



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7428]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 7458]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Maksud B. 63 [Ruangan 7459]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1982

Jawatankuasa (Hari Kesebelas)—

Maksud P. 63 [Ruangan 7459]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

IPENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alof Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S. . J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD, BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).

- Yang Berhormat DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 2hb Disember, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

BANTUAN MALAYSIA TERHADAP
VIETNAM

1. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada terdapat bantuan terus baik dalam apa bentuk sekali pun dari Kerajaan kita kepada Kerajaan Vietnam. Jika ya, nyatakan sebabnya, memandangkan bahawa Kerajaan Vietnam sememangnya menunjukkan dasar bermusuh dengan negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu Kerajaan Malaysia telah menghulurkan bantuan ekonomi dan teknikal kepada Vietnam, terutama sekali di bidang pertanian (seperti memulihkan industri getah Vietnam) dan juga bantuan pemulihan banjir. Memandangkan kepada campurtangan dengan pendudukan tentera Vietnam yang masih berterusan di Kampuchea sejak bulan Januari, 1979 lagi Kerajaan telah mengambil keputusan untuk membekukan semua bantuan-bantuan ekonomi dan teknikal Vietnam.

Pendirian kita adalah jelas menunjukkan iaitu walaupun menjadi dasar kita untuk mengadakan hubungan yang baik dengan semua negara dan dalam hal ini Vietnam, kita tidak dapat menyokong tindakan-tindakan campurtangan negara tersebut ke atas negara jirannya, apa lagi pendudukan tentera yang jelas bertentangan dengan Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea.

Pendirian ini juga tidak bermakna bahawa kita bermusuhan dengan Vietnam, hanya selagi Vietnam tidak menunjukkan response yang positif dari Malaysia, negara-negara anggota ASEAN dan masyarakat antarabangsa, sebagaimana yang diputuskan oleh Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea terhadap menyelesaikan masalah Kampuchea, maka selagi itu kita tidak nampak bagaimana bantuan selanjutnya akan dapat diteruskan kepada Vietnam.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa dengan adanya keputusan memulau dari segi bantuan terhadap Vietnam maka ada kemungkinan suatu penyelesaian di Kampuchea lebih sukar dicapai oleh sebab sudah tentu Vietnam akan lebih terpengaruh dengan kuasa-kuasa Eropah Timur dan Soviet Union dan sebaliknya pula ada kemungkinan kalau ada bantuan dari Malaysia dan ASEAN kita akan dapat memujuknya menerima pandangan kita mengenai Kampuchea.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir bahagian kedua itu tidak payah dijawab. Bahagian pertama sahaja.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamad Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir begitu sebabnya walaupun kita telah memutuskan untuk tidak meneruskan bantuan-bantuan ekonomi dan teknikal-teknikal kepada Vietnam, hubungan diplomatik kita dengan Vietnam masih diteruskan lagi. Oleh yang demikian, dengan melalui saluran-saluran diplomatik dan perundingan selanjutnya boleh dijalankan walaupun bantuan-bantuan teknikal ini tidak dapat kita teruskan dan ini juga merupakan satu daripada perkara yang telah pun

diputuskan dalam Resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea.

Tuan Peter Paul Dason: Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini apakah Kementerian Luar Negeri telah membuat satu kajian atau analisa mengenai sebab-sebab mengapa Kerajaan Vietnam begitu hostile terhadap negara kita dan jika kajian atau analisa sudah dibuat, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini hasil kajian atau analisa tersebut.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan pandangan silap yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang tersebut tadi yang menyatakan bahawa Kerajaan Vietnam bersikap hostile. Sebenarnya tidak begitu kerana hubungan diplomatik kita di antara kedua-dua buah negara adalah dalam keadaan yang seperti biasa dan tidak ada menunjukkan di situ sikap hostility ataupun permusuhan di antara Vietnam dengan Malaysia hanya dari segi pandangan tentang tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh kita bagi menyelesaikan masalah Kampuchea itu berbeza dengan pandangan Vietnam. Jadi, ini tidak dianggap sebagai satu tindakan permusuhan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tadi penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedikit sebanyak Malaysia telahpun memberikan pertolongan dan bantuan kepada Vietnam. Soalan saya, apakah pula balasan yang kita terima daripada bantuan itu, adakah Vietnam juga pernah memberi pertolongan bantuan kepada kita.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada bantuan yang kita terima daripada Vietnam. Tetapi ini adalah selepas daripada penamatan peperangan di Vietnam dahulu di atas dasar peri kemanusiaan dan kerjasama maka Kerajaan kita telah memutuskan untuk memberi bantuan bagi memulihkan ekonomi dan tidak ada timbal balas bantuan yang kita terima daripada Vietnam.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sama ada Kerajaan akan bercadang untuk menolong Kerajaan Vietnam dibebaskan daripada control Russia?

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah luar sedikit daripada soalan asal. Saya tidak dapat menjelaskan di sini.

Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dengan penarikan balik bantuan kepada Vietnam, adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar bahawa kita menggunakan bantuan itu seolah-olah untuk politik leverage semata-mata. Jadi, tidak ada bezanya di antara Malaysia menolong Vietnam dengan Bank-bank Dunia menolong dunia ketiga. Jadi, selepas penarikan balik itu, adakah Vietnam masih menganggapkan bahawa Malaysia ini betul-betul negara yang berkecuali dan apakah sikap mereka selepas penarikan bantuan itu?

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu. Kalau dia maksudkan dengan penarikan bantuan itu bermakna ada satu perasaan yang bermusuhan ataupun sebagainya, ini telahpun saya terangkan tadi; tetapi suka saya menerangkan bahawa di peringkat antarabangsa pun, sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi mengikut keputusan di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang mana pendudukan tentera Vietnam di Kampuchea merupakan isu yang besar, maka keputusan itu dibuat berdasarkan bahawa kita tidak bersetuju dengan langkah-langkah aggression yang telah diambil oleh Kerajaan Vietnam terhadap negara jirannya. Oleh sebab itu, soal sama ada ini tidak merupakan satu perkara yang dipersetujui oleh Vietnam adalah soal yang kedua dan tidak penting di sini.

LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA—PENGANGKUTAN

2. **Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah ikhtiar Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) mengatasi masalah kekurangan pengangkutan pada musim memotong padi di kawasan-kawasan sawah dalam negara ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, harga tawaran padi yang dilaksanakan adalah berasaskan jualan padi di pintu kilang dan pada hakikatnya urusan pengangkutan padi tidak menjadi tanggungjawab LPN. Pada kebiasaannya, pihak-pihak kilang swasta dan pembeli-pembeli padi berlesen sendiri menguruskan pengangkutan padi yang telah dibelinya dan petani-petani dikenakan bayaran yang terlibat. Pada keseluruhannya, adalah didapati perkhidmatan pengangkutan mencukupi kecuali pada kemuncak musim menuai. Di dalam usaha untuk menjamin pengangkutan secukupnya, pada setiap musim tuai padi PLN akan mendapatkan kelulusan Perintah Pindaan daripada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri untuk membenarkan pengusaha-pengusaha lori 'C' mengangkut padi secara sewa di puncak musim menuai. LPN juga ada menyimpan daftar senarai pemilik-pemilik lori dan LPN boleh mendapatkan kerjasama mereka bagi mengangkut padi petani-petani yang sukar mendapat lori.

Di samping langkah-langkah yang sedang diambil ini, LPN juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan. Ini adalah berikutan dari timbulnya masalah di Tanjong Karang di mana oleh kerana pemilik-pemilik lori swasta telah tampil seperti biasa menyumbangkan perkhidmatan lori, maka ada sebahagian besar padi di sawah dan di tempat membeli telah tidak diangkut. Berbangkit dari masalah tersebut, perkara pengangkutan akan dikaji semula oleh LPN supaya dapat menyediakan kemudahan pengangkutan sebanyak 75% dari keperluan pengangkutan di pusat-pusat belian agennya untuk memastikan pengangkutan mencukupi setiap masa.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam kajian bagi menyelesaikan masalah pengangkutan padi dalam pasaran ini, adakah LPN bercadang mahu meminda undang-undangnya yang mana pengangkutan daripada pusat wakil LPN membeli padi itu ke gudang LPN akan menjadi tanggungjawab LPN pada satu masa?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Buat masa ini tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai. Tidak hadir.

(Soalan No. 3 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

BIASISWA KEPADA PELAJAR DI NEGARA ARAB

4. **Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang menuntut di Negara-negara Arab, jika ada:

- (a) berapa banyakkah biasiswa yang dikeluarkan pada tahun ini;
- (b) berapa ramaikah pelajar-pelajar kita yang sudah menerima biasiswa tersebut; dan
- (c) di Negara-negara Arab manakah pelajar-pelajar kita dihantar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan ada memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang menuntut di negara-negara Arab:

- (a) Jumlah biasiswa yang dikeluarkan pada tahun ini adalah masih belum diketahui kerana sedang di dalam proses penghadaian oleh berbagai peng-anjur.
- (b) Jumlah pelajar-pelajar kita yang telah menerima biasiswa tersebut adalah 828 orang.
- (c) Negara-negara Arab di mana pelajar-pelajar kita dihantar ialah Mesir, Iraq, Arab Saudi, Kuwait, Libya dan Sudan.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri biasiswa yang diberi kepada penuntut kita ke negara-negara Arab dalam jurusan pelajaran jenis apakah yang banyak yang diberi keutamaan—jurusan kedoktorankah ataupun dari jurusan sastera?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang terperinci di sini tetapi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi semua kursus kita ada meliputinya.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kerajaan juga memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang menuntut di Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak ada hubungan dengan soal asal. Soal asal negara Arab.

HUBUNGAN THAI/MALAYSIA

5. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ketua-ketua tentera, polis dan politik Thai kurang senang hati dengan perhubungan Kerajaan Malaysia dengan PULO (Pattani United Liberation Organisation) yang akan merenggangkan hubungan Thai/Malaysia dalam masa yang genting ini, dan apakah tindakan Kerajaan Malaysia telah mengambil untuk mencegah perkara ini dari menyulitkan perhubungan Thai-Malaysia.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Malaysia tidak pernah ada sebarang hubungan dengan PULO (Pattani United Liberation Organisation) dan oleh yang demikian persoalan untuk mencegah perhubungan dengan PULO kerana ianya merenggangkan hubungan Thai/Malaysia sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul.

Ingin saya mengingatkan sekali lagi bahawa masalah PULO merupakan satu masalah dalam negeri Thai dan Malaysia tidak ingin masuk campur dalam hal ehwal itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukanlah benar bahawa pemimpin-pemimpin Kerajaan Malaysia ada beberapa kali mengadakan secara direct atau indirect perbincangan dan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin, tokoh-tokoh PULO di mana pihak-pihak yang berkenaan ada mendapat gambaran atau kesimpulan bahawa

sekurang-kurangnya Kerajaan Malaysia ada memberi sokongan moral terhadap perjuangan mereka.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, tidak sebenarnya. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tidak ada hubungan langsung di antara kumpulan PULO dan kita sendiri dan saya tidak tahu daripada mana Yang Berhormat dari Petaling mendapat maklumat tentang apa yang disebutkan tadi dan mungkin Yang Berhormat itu telah dipengaruhi oleh tulisan-tulisan wartawan asing. Sebenarnya buruk sangka inilah yang telah menimbulkan salah faham rakyat tentang apa yang sebenarnya berlaku dan mungkin Yang Berhormat itu telah termakan dengan apa yang telah pun disebutkan tadi. Dan saya suka untuk menjelaskan di sini bahawa dari segi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Thailand kita mempunyai hubungan yang amat baik dan tidak ada timbul apa-apa masalah dari segi hubungan tersebut. Dan suka juga saya menjelaskan bahawa kita mempunyai hubungan kerjasama keselamatan sempadan yang amat baik juga dengan Thailand dan oleh itu apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berasas sama sekali.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab kegiatan PULO ini sedikit-sebanyak telah menimbulkan keadaan kerumitan dalam masalah keselamatan di sempadan Malaysia—Thailand, maka bolehkah pihak Kementerian menimbangkan tentang memujuk Kerajaan Thai dari sudut semangat ASEAN ini untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi orang-orang Islam di Thailand Selatan supaya masalah keselamatan di sempadan kita dapat diperbaiki.

Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita berpegang kepada prinsip yang biasa kita amalkan dalam hubungan dasar luar negeri. Walaupun masalah PULO ini kita ketahui ialah merupakan satu "Islamic separationist" tetapi kita sendiri tidak ada hubungan dan tidaklah kita bercadang untuk memujuk dengan apa

jua pun Kerajaan Thailand untuk mengambil langkah yang patut dijalankan oleh Kerajaan itu sendiri tentang perkara yang berkaitan dengan hal ehwal dalam negerinya.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Ini bukan khabar angin, tetapi pada bulan Mei tahun ini Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ada ucap dalam surat khabar mengarahkan Malaysia sokong penuh PULO. Macam mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab ini?

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan dan menegah sama ada benar atau tidak laporan akhbar itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Alias bin Md. Ali. Tidak hadir.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Alias bin Md. Ali tidak hadir)

BIRO SIASATAN NEGARA

7. **Tuan V. David** minta kepada Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk BSN menjadi sebuah Institusi bukan politik dengan diberikan semua kebebasan bertindak berdasarkan semata-mata kepada merit orang-orang perseorangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Biro Siasatan Negara adalah sebuah badan yang sentiasa bersifat bebas daripada ciri-ciri politik. Badan tersebut mempunyai kebebasan di bawah undang-undangnya untuk bertindak tanpa perasaan takut atau memihak dan juga sentiasa bertindak berdasarkan kepada merit tiap-tiap satu kes. Dalam hal yang demikian, soal sama ada Biro Siasatan Negara akan dijadikan sebuah institusi bukan politik tidak timbul sama sekali.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Macam mana BSN ada siasat, siapa-siapa orang besar dalam politik, iaitu Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato' ada harta \$3 juta-\$4 juta sedangkan gajinya tak sampai \$4,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan yang umum begini \$3 juta-\$4 juta dan sebagainya macam mana boleh jadi soalan tambahan. Yang Berhormat boleh jawab?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ahli Yang Berhormat cuba ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang tinggi

Tuan Yang di-Pertua: Tinggi badan atau tinggi apa (*Ketawa*).

Tuan V. David: atau orang besar seperti Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato' yang dekat dengan Barisan Nasional, bukan jauh daripada Barisan Nasional, mereka itu ada rumah dan harta \$3-\$4 juta tetapi gaji mereka setiap bulan tidak sampai \$4,000. Bagaimana mereka boleh membeli rumah itu. BSN mestilah siasat perkara ini.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, BSN bertindak berasaskan kepada bukti-bukti dan sekiranya ada bukti yang wujud, tidak kira sama ada seseorang itu kaya, jutawan ataupun tidak, BSN akan bertindak dan sekiranya tidak ada bukti, tidaklah BSN boleh berbuat apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan BSN menjalankan tugasnya sebagai satu institusi bukan political dan tidak dipengaruhi oleh apa-apa unsur politik, adakah perisytiharan yang dibuat oleh Menteri-menteri dan Timbalan Menteri serta Setiausaha Parlimen kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara automatik perisytiharan mereka dihantar kepada BSN untuk siasatan, kalau perlu, supaya membolehkan BSN menjalankan tugasnya?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada syak wasangka timbul daripada perisytiharan oleh Menteri-menteri, Timbalan Menteri seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, maka pada waktu itu bolehlah perkara yang menjadi syak wasangka itu dirujuk kepada BSN untuk siasatan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tuduhan secara generalization yang dibuat sesuka hati itu untuk mendamagekan kepimpinan kita dan adakah beliau telah menerima apa-apa aduan yang khusus mengenai penyelewengan dari Anggota Parlimen terutama dari parti Pembangkang?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat daripada parti-parti Pembangkang itu adalah dialu-alukan dan sama ada sepanjang ini maklumat datang daripada parti Pembangkang tidaklah boleh saya beritahu kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan BSN bukan satu institusi politik tetapi satu badan bebas. Adakah beliau sedar bahawa Pengarah BSN bukan terdiri dari seorang yang bebas daripada Kerajaan oleh kerana dia adalah seorang "Civil servant", bukan seorang hakim, sedangkan hakim adalah seorang yang tidak boleh dilucutkan jawatannya sampai barangkali Parlimen atau badan lain ada satu enquiry ke atasnya. Adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa Pengarah BSN adalah seorang yang tidak bebas oleh kerana ada sangkut-paut dengan Kerajaan oleh kerana dia seorang "Civil servant".

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ada menyebutkan kebebasan BSN itu dan sama ada Ketuaanya daripada taraf hakim ataupun tidak, itu tidaklah menjadi satu persoalan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk membuktikan bahawa BSN itu benar-benar bebas dan benar-benar menjalankan tugas dengan tidak ada kawalan daripada pihak Executive, sebaik-baiknya ia hendaklah diletakkan di bawah badan Kehakiman dan bukan badan Executive. Adakah cadangan dibuat untuk meletakkan BSN di bawah badan Kehakiman supaya ia dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan tidak ada keraguan daripada orang ramai.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak ada cadangan untuk diletakkan BSN itu di bawah Kehakiman kerana itu adalah difikirkan tidak mustahak.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah menjadi satu kesalahan dari segi undang-undang sekiranya pihak BSN meminta pandangan pihak Kerajaan seperti Perdana Menteri, Menteri Besar sebelum melaksanakan sebarang tindakan?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, BSN adalah satu badan yang bebas dan boleh bertindak mengikut budi bicara dan kemahuannya sendiri dengan tidak payah merujuk kepada sesiapa.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab bahawa apabila ada berlaku syak wasangka barulah perisytiharan yang dibuat oleh setiap Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen dirujuk kepada BSN. Soalan saya ialah siapakah merasa syak wasangka itu barulah perisytiharan yang dibuat oleh setiap Menteri dan lain-lain itu dirujuk kepada BSN. Adakah BSN ada kuasa iaitu apabila BSN sendiri ada rasa syak wasangka untuk meminta atau kalau perlu untuk memaksa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberikan perisytiharan itu kepada BSN?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada laporan diterima daripada sesiapa jua ataupun syak wasangka itu timbul dari kalangan kakitangan BSN sendiri dan perasaan syak itu berasas maka BSN boleh bertindak di waktu itu.

PENGIKTIRAFAN IJAZAH—PERANAN KEMENTERIAN PELAJARAN

8. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah peranan yang dilakukan oleh unit Perkhidmatan Kementerian Pelajaran dalam bidang "pengiktirafan ijazah atau kelayakan terhadap mana-mana institusi". Apakah dia

kaitannya dengan kuasa-kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan di Kementerian Pelajaran tidak terlibat secara langsung dalam pengiktirafan ijazah atau kelayakan dari mana-mana institusi-institusi melainkan jika dipanggil secara *ad hoc* atas keperluan untuk Jabatan Perkhidmatan Awam khususnya dalam mengkaji ijazah-ijazah dan kelayakan dalam bidang perkhidmatan pelajaran.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memikirkan yang degree-degree daripada Taiwan dan India sebab perkara ini adalah perkara besar yang sudah lama Kerajaan tidak memberi satu jawapan yang adil, bolehkah Kerajaan menimbang degree-degree daripada Taiwan dan India.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak perlu dijawab kerana soalan asal ialah peranan perkhidmatan Kementerian Pelajaran bagi pengiktirafan ijazah.

MASJID DIPERUNTUKKAN DALAM RMT TIDAK DISIAPKAN

9. Tuan Ibrahim bin Mohamed minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapa banyakkah masjid-masjid yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang tidak dapat disiapkan. Apakah sebab-sebab pelaksanaan projek-projek seperti ini mengambil masa yang lama untuk disiapkan oleh JKR.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya telah dimaklumkan bahawa jumlah bilangan masjid yang telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga adalah sebanyak 1,076 buah, dari

jumlah yang tersebut cuma 437 buah sahaja telah diserahkan kepada JKR negeri untuk dilaksanakan. Dari bilangan ini sebanyak 152 buah telah pun disiapkan dan 285 buah lagi adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, sukar bagi saya untuk mengatakan sebab-sebab kelewatan pelaksanaan projek-projek masjid ini kerana Kerajaan Negeri melalui Majlis Tindakan Negeri adalah bertanggungjawab secara langsung mengenai perkara ini iaitu mulai dari peringkat perancangan, penentuan rekabentuk, memohon peruntukan dan pengambilan balik tanah. Saya juga dimaklumkan bahawa terdapat geran diberi secara langsung kepada jawatankuasa-jawatankuasa masjid di mana jawatankuasa ini bertindak secara persendirian sama ada dalam menentukan rekabentuk, saiz besar masjidnya dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bagi projek yang telah diserahkan kepada JKR untuk dilaksanakan faktor-faktor harga tawaran yang lebih daripada peruntukan, masalah pembentukan rekabentuk, perubahan rekabentuk dan masalah pemborong yang enggan menerima tawaran dihadaikkan atau pemborong yang gagal menguruskan projek yang sedang dilaksanakan, adalah di antara faktor-faktor yang melewatkan persiapan pelaksanaan projek masjid ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong.

Tuan Ting Ling Kiew: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang No. 10.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini di akhir waktu sekiranya ada masa.

Yang Berhormat Tuan P. Patto.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga saya akan kemukakan di akhir waktu sekiranya ada masa.

SEKOLAH MENENGAH—KEKURANGAN DI SARAWAK

12. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang kekurangan Sekolah Menengah di Sarawak untuk menempatkan bilangan penuntut-penuntut yang semakin bertambah, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat kekurangan sekolah menengah di Sarawak bagi menempatkan bilangan penuntut yang semakin bertambah. Bagi mengatasi masalah ini di bawah Rancangan Malaysia yang Ketiga, Kementerian Pelajaran telah meluluskan pembinaan 40 buah sekolah menengah baru dan mengandungi 592 buah bilik darjah dan ianya dapat menampung pelajar seramai 23,000 orang.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Pelajaran telah meluluskan 11 buah sekolah menengah baru dan projek bangunan tambahan kepada 10 buah sekolah menengah di Sarawak yang mengandungi 362 bilik darjah bagi menampung 14,000 orang murid.

Datuk Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kerana mulai dari bulan Januari tiaptiap tahun di negeri Sarawak penuntut-penuntut sangat susah mendapat tempat di sekolah menengah. Perkara ini memang sering berlaku dan Yang Berhormat tadi pun bersetuju ada kekurangan sekolah menengah. Oleh kerana ini, adakah Timbalan Menteri Pelajaran sedar untuk menambahkan tempat sementara untuk menempatkan penuntut-penuntut di mana kawasan yang betul-betul tidak mencukupi tempat untuk menempatkan penuntut-penuntut khususnya kepada penuntut-penuntut yang datang daripada kawasan luar bandar.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kementerian Pelajaran telah mengadakan beberapa rancangan untuk mendirikan sekolah-sekolah seperti yang disebutkan oleh saya sebentar tadi, oleh

kerana beberapa sebab projek-projek ini tidak dapat disempurnakan atau dapat dibina dengan jadual. Satu faktor yang besar sekali di negeri Sarawak ialah soalan pengangkutan atau communication dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri memandang berat perkara ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada bulan Januari akan datang Yang Berhormat Menteri akan membuat lawatan ke negeri Sarawak untuk berunding sendiri dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya projek-projek yang telah lewat itu dapat disegerakan. Dan buat sementara waktu untuk mengatasi perkara ini tentulah pihak Kementerian dan pihak Jabatan akan menyusun dan juga mencari tempat supaya tidak banyak murid-murid akan dapat terlibat dalam kesusahan ini.

JABATAN AUDIT—LANGKAH MENGUATKAN PENTADBIRAN

13. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi menguatkan lagi Jabatan Ketua Audit Negara bagi mengendalikan tanggungjawab mengawal dan mengawasi perbelanjaan wang awam dengan lebih berkesan dan lebih luas lagi memandangkan perbelanjaan Kerajaan makin bertambah dari setahun ke setahun dan memandangkan lebih banyak penyelewengan-penyelewengan dilaporkan berlaku.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah bagi menguatkan pentadbiran kewangan dan salah satu daripadanya ialah memperkuatkan lagi kedudukan Pejabat Ketua Audit Negara. Langkah-langkah untuk memperkuatkan kedudukan Pejabat Ketua Audit Negara ini adalah selaras dengan tujuan Kerajaan supaya Jabatan Audit menjalankan tugas dan fungsinya sepertimana dikehendaki mengikut Perlembagaan dan juga undang-undang yang berkaitan. Bagi maksud itu Kerajaan akan memberikan segala keperluan dan tambahan kakitangan kepada Ketua Audit Negara sepertimana yang dikehendaki supaya tugas-tugas dapat dijalankan dengan lancar mengikut Akta Audit.

Masalah-masalah pentadbiran yang dihadapi oleh Pejabat Ketua Audit Negara akan diselenggarakan segera dengan agensi-agensi yang berkenaan. Selain daripada itu Kerajaan juga telah meluluskan permohonan Jabatan Audit untuk mengadakan audio-visual aids termasuk sebuah komputer yang kecil. Ini adalah bertujuan untuk memperbaiki lagi program latihan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi bahawa Jabatan Audit akan diperkukuhkan tetapi mengapakah kekosongan yang didapati dalam Jabatan Audit sampai sekarang banyak yang masih belum diisi?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pengambilan kakitangan yang baru sedang di dalam proses.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini ada kelambatan yang agak teruk bagi pihak Ketua Audit Negara untuk memberi Audit Certificate kepada Badan-badan Berkanun dan agensi-agensi Kerajaan sehingga kadang-kadang sampai 4—5 tahun barulah dapat diedarkan laporan-laporan annual reports seperti yang dibentangkan, umpamanya, MARDI 1975 dan 1976 dan banyak lagi contohnya. Jadi adakah dengan usaha memperkuatkan kakitangan dan machinery jentera di Jabatan Audit ini pihak Jabatan Audit akan dapat mengeluarkan Certificate Auditnya dengan cepat supaya orang ramai dapat manfaat dan natijah daripada teguran-teguran yang terkandung di dalam laporan-laporan itu?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini segala langkah sedang diambil untuk mempercepatkan pengeluaran laporan itu dan dengan adanya penambahan kakitangan adalah diharapkan laporan-laporan yang segera dapat dikeluarkan. Walau bagaimanapun, sukalah saya jelaskan bahawa sebelum daripada laporan dikeluarkan, keputusan auditing itu ada dikemukakan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan itu.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengarahkan semua Jabatan Kerajaan untuk memastikan mereka mengikut cara atau sistem akaun yang diberikan oleh Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba ulang sekali lagi.

Tuan Chan Kok Kit: Sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengarahkan semua Jabatan Kerajaan untuk memastikan mereka mengikut cara atau sistem akaun yang diberikan oleh Ketua Audit Negara?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan-jabatan memang diarahkan supaya mengikut sistem akaun audit seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Audit.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan mengambil langkah untuk memperkuatkan Jabatan Audit ini supaya kewangan negara itu digunakan dengan sebaik-baik dan sebijak-bijaknya. Adakah langkah ini termasuk mengambil satu tindakan supaya projek-projek Kerajaan yang terbesar seperti jambatan Pulau Pinang diawasi oleh team Audit Khas supaya segala variations kerja-kerja itu betul-betul dilaksanakan kerana cara ini dibuat oleh negara-negara lain?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu bolehlah diberi perhatian. Buat sementara ini penyeliaan itu ada dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam tugas dan usaha Jabatan Audit, jika terdapat pegawai-pegawai atau Ketua Jabatan yang enggan menjawab, apakah tindakan yang boleh diambil dan siapakah yang akan melaporkan kepada BSN, sama ada Ketua Jabatan atau Jabatan Audit?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Cuba ulang sekali lagi.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, di dalam tugas Jabatan Audit ini, apakah tindakan yang akan diambil kepada Ketua-ketua Jabatan yang enggan menjawab pertanyaan Audit ini dan siapakah yang akan melaporkan kepada BSN sekiranya terdapat penyelewengan, sama ada Ketua Jabatan itu sendiri ataupun Jabatan Audit?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang enggan mematuhi arahan ataupun kehendak Audit ataupun enggan menjawab query odit, tindakan disiplin adalah diambil terhadap mereka. Itu jawapan yang pertama dan yang keduanya sekiranya ada difikirkan berlaku penyelewengan ataupun satu-satu kesalahan di bawah undang-undang berlaku, maka pihak Audit biasanya melaporkan perkara itu kepada Kementerian-kementerian ataupun Jabatan-jabatan yang berkenaan dan terpulanglah kepada Kementerian-kementerian ataupun Jabatan-jabatan berkenaan itu melaporkan perkara-perkara penyelewengan atau kesalahan di bawah undang-undang kepada Polis ataupun kepada pihak BSN.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada masa sekarang queries dari Jabatan Audit selalu tidak dijawab untuk beberapa tahun, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa walaupun Jabatan Audit diberi kakitangan yang lebih, ia tidak boleh mengawal dan memeriksa dengan berkesan perbelanjaan wang awam kecuali berbagai-bagai Kementerian bermula dengan Menteri-menteri sendiri mengambil sikap yang lebih tanggungjawab terhadap pertanyaan-pertanyaan yang dibuat oleh Jabatan Audit, dan jika sedar, apakah langkah-langkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengambil untuk menukar sikap-sikap ini?

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada pertanyaan tambahan ini telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Peter Paul Dason: Sikap-sikap

Tuan Yang di-Pertua: Sabar dahulu, saya sedang bercakap! Bahagian yang pertama itu sudah ada jawapannya, jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahagian yang belum dijawab lagi.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah beritahu sekiranya ada kelewatan yang tidak berpatutan untuk menjawab queries daripada Audit maka tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka yang berkenaan itu.

AMANAH SAHAM NASIONAL

14. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan pihak manakah yang lebih banyak mengambil bahagian menayakan projek jualan saham ASN, pihak individukah ataupun pihak syarikat. Tidakkah pernah berlaku sebarang penyelewengan dilancarkan projek ASN, umpamanya terdapat amalan Ali Baba dsb. dan andainya ada penyelewengan, apakah langkah untuk mengatasinya.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab pada 22hb Oktober 1981 ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Oleh yang demikian saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ampong bin Puyon.

Tuan Ibrahim bin Muhammad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 15.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini di akhir waktu nanti jika ada masa.

PENDATANG HARAM INDONESIA

16. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah:

- (a) pendatang haram Indonesia yang telah masuk ke negara Malaysia secara haram; dan
- (b) jumlah rakyat Indonesia yang telah masuk ke Malaysia secara haram tetapi telah dibenarkan tinggal tetap.

Tuan Abdul Rahim bin datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah saya berikan di Dewan yang mulia ini pada

28-10-1981 semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak ada apa-apa perkara baru untuk ditambah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 17.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini juga saya akan kemukakan sekiranya ada waktu nanti.

Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Haji Endut.

(Soalan No. 18 Y.B. Tuan Haji Hashim bin Haji Endut tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya pergi kepada pertanyaan-pertanyaan yang tadi diambilalih oleh Ahli-ahli Yang Berhormat melainkan yang tidak hadir, iaitu Yang Berhormat dari Sandakan. Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Sandakan juga tidak hadir sekarang, saya batalkan soalan ini.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA

15. **Tuan Ibrahim bin Muhammad** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berapa ramaikah kontraktor bumiputera yang lesen mereka telah dibatalkan berikutan dengan pelbagai kesalahan dan terangkan sebab-sebabnya satu per satu dan nyatakan jumlah kontraktor bumiputera mengikut Kumpulan A, B, BX, C, dan D dan apakah usaha yang telah dibuat untuk memperbanyakkan kontraktor bumiputera dalam Kumpulan A.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah mengambil tindakan membatalkan lesen kontraktor atas sebab-sebab perintah mahkamah kerana pembubaran syarikat atau muflis (bankrupt); kematian tuan punya syarikat; kontraktor sendiri memberitahu tiada lagi berminat untuk menjalankan perniagaan ini atau kontraktor didapati tidak aktif selama 10 tahun dan tidak dapat memberi penjelasan

membela diri dengan memuaskan apabila dirujuk kembali sama ada melalui surat atau temuduga atau tidak dapat dihubungi langsung. Setakat ini dari tahun 1978 hingga 1980, hanya 4 kontraktor bumiputera di dalam Kelas B dan C yang telah dibatalkan lesennya dan tiga di atas sebab perintah mahkamah kerana bankrupt dan satu kerana ditutup perniagaan. (Pembatalan kontraktor Kelas D—F adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri).

Jumlah kontraktor bertaraf bumiputera di dalam bidang binaan mengikut Kelas sehingga 30hb September, 1981 adalah seperti berikut:

Kelas	Jumlah
A	48
B	47
BX	103
C	185
D	392
E	463
EX	640
F	4,914
JUMLAH ..	6,792

Untuk memperbanyakkan bilangan kontraktor Kelas A, bimbingan dan khidmat nasihat diberi dari masa ke semasa untuk menambah kemampuan dan pengetahuan mereka supaya prestasi mereka bertambah baik. Kontraktor-kontraktor Kelas B, BX dan C yang menunjukkan kemampuan dan keupayaan dalam prestasi melaksanakan kerja-kerja di bawah kelolaan Kementerian Kerjaraya, selepas beberapa ketika boleh dipertimbangkan untuk kenaikan taraf kepada Kelas A.

JALAN RAYA BANDAR SRI AMAN KE SIBU

10. **Tuan Chieng Teong Kai** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membaiki jalan raya dari Bandar Sri Aman ke Sibu, yang dalam keadaan buruk sekali dan mengambil langkah untuk mengetarkan

jalan raya tersebut. Kalau tidak, mengapa dan sila beri sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, mengenai jalanraya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah sentiasa diselenggarakan oleh JKR Sarawak. Walau bagaimanapun di waktu musim tengkujuh dari bulan November hingga Februari iaitu akibat daripada hujan lebat dan ada bahagian-bahagian jalan yang mengalami kerosakan. Tetapi tindakan yang sewajarnya telah diambil supaya jalan-jalan yang terlibat itu boleh digunakan oleh kenderaan setiap masa. Dalam Rancangan Malaysia Keempat peruntukan sebanyak \$6 juta telah dikhaskan untuk mengetar jalan ini.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adakah benar di negeri Sarawak adalah kekurangan peruntukan dari Kerajaan Pusat dan kekurangan tenaga yang mahir untuk memperbaiki dan membina jalan raya di negeri Sarawak. Jika ya, apakah tindakan akan diambil. Jika tidak mengapa jalan raya dari bandar Seri Aman ke Sibu itu telah lama dibina tetapi sampai masa sekarang masih belum jadi satu jalan tar, oleh kerana jalan ini adalah salah satu yang penting di dalam negeri itu.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sejak daripada Rancangan Malaysia Ketiga dan juga Rancangan Malaysia Keempat peruntukan besar telah pun diadakan untuk membaiki dan mengadakan jalan-jalan raya di negeri Sarawak. Walaupun oleh kerana keluasan dan banyak jalan-jalan yang dikehendaki di negeri Sarawak maka tidak dapat kesemuanya diadakan dalam masa waktu yang pendek. Tentang keupayaan JKR Sarawak pada pendapat saya JKR Sarawak adalah satu Jabatan yang terbesar sekali di seluruh Malaysia ini dan banyak daripada kerja-kerja membina dan penyelenggaraan jalan raya adalah dibuat sendiri oleh pihak JKR Negeri.

Dato Edwin anak Tangkun: Soalan tambahan. Oleh kerana kelambatan

membaiki jalan daripada Seri Aman ke Sarikei oleh JKR Negeri saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk memberi sub-kontrak kepada negeri Jepun, Korea dan sebagainya?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Buat sementara ini oleh kerana ada kemampuan pihak JKR Sarawak sendiri untuk melaksanakan kerja-kerja ini maka tidak ada cadangan buat sementara ini untuk memberi sub-kontrak kepada negara luar.

BARANG-BARANG TERKAWAL

17. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa barang-barang keperluan yang diperlukan oleh rakyat bukan hanya lima perkara yang dimasukkan dalam senarai barang-barang terkawal itu sahaja dan jika ya, sama ada Kementerian bercadang mengenakan sekatan ke atas kenaikan harga barang-barang keperluan ini supaya tidak membebankan pengguna-pengguna.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 20 jenis barang yang diwartakan sebagai barang kawalan di bawah Akta kawalan Bekalan, 1961 dan bukan 5 sahaja seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Barang-barang ini adalah merupakan barang-barang keperluan asas pengguna-pengguna yang merangkumi bahan-bahan makanan, bahan binaan dan bahan-bahan petroleum. Tujuan barang-barang ini dijadikan sebagai barang kawalan ialah untuk menentukan supaya kawalan yang rapi dapat dilakukan dari segi bekalannya bagi menjamin kestabilan bekalan barang-barang berkenaan di pasaran. Di samping itu, bagi memastikan dan memperketatkan lagi kawalan yang sedia ada, Kerajaan telah mewartakan sebanyak 10 jenis daripada barang-barang kawalan ini sebagai barang berjadual di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan, 1974 yang mana pengeluaran, penjualan dan lain-lain aktiviti urusniaga di setiap peringkat peniagaan tidak boleh dilakukan tanpa mempunyai lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesuatu barangan itu dijadikan barang kawalan atau barang berjadual, ada beberapa fakta yang perlu dipertimbangkan terlebih dahulu. Di antara fakta yang perlu dijadikan garis panduan ialah keutamaan (priority) barang tersebut dari segi keperluan, kedudukan bekalan dan kepentingan pengguna. Dengan berdasarkan kepada fakta-fakta ini, maka baharulah Kerajaan membuat pertimbangan sama ada sesuatu barang itu perlu diisytiharkan sebagai barang kawalan atau tidak. Jika sekiranya Kerajaan mendapati bahawa bekalan sesuatu barangan itu akan menimbulkan masalah yang membebankan pengguna-pengguna, Kerajaan tidak akan ragu-ragu mengisytiharkannya sebagai barang kawalan. Walau bagaimanapun, keadaan bekalan barang-barang keperluan di Negara pada masa ini adalah memuaskan dan Kerajaan belum bercadang untuk menambah bilangan barang-barang kawalan ini dari jumlah yang sedia ada sekarang.

Mengenai dengan kenaikan harga barang-barang seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, adalah wajar ditegaskan di sini bahawa ianya adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan oleh kerana negara kita terpaksa bergantung kepada bekalan bahan-bahan mentah yang diimport dari luar negeri di mana harganya sering meningkat dan adalah tidak wajar bagi peniaga-peniaga untuk menjual sesuatu barangan dengan harga yang murah dalam keadaan seperti ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan dalam usahanya untuk meringankan bebanan pengguna-pengguna yang timbul daripada kenaikan harga ini telah mengadakan skim pemberian subsidi ke atas setengah-setengah barangan. Dengan pembayaran subsidi ini bukanlah bermakna kebaikan harga barang-barang tidak akan berlaku, tetapi skim ini lebih merupakan sebagai satu alat untuk mengurangkan kenaikan harga sesuatu barangan ke satu tahap yang munasabah.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Mulia Menteri telah mensenaraikan 20 barang-barang kawalan di dalam Kementerian beliau. Saya ingin bertanya beliau apakah dengan

mensenaraikan 20 barang-barang kawalan itu ia telah membantu rakyat dalam menghadapi inflasi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Pada masa sekarang ini difikirkan dengan jadual 20 barangan-barangan ini keadaan tidak akan menghadapi masalah kekurangan barang-barang sama juga dengan masalah kenaikan harga adalah mencukupi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada beliau sedar bahawa akibat daripada kawalan harga terhadap barang-barang yang disenaraikan itu maka timbul masalah lain apabila berlaku sedikit kekurangan bahan-bahan atau kenaikan harga bahan-bahan mentah bagi maksud memproses barang-barang yang hendak dipasarkan itu iaitu oleh kerana tidak adanya kawalan di peringkat pengedaran dan perkilangan. Jadi adakah pihak Yang Berhormat Menteri bermaksud hendak mengkaji kemungkinan memanjangkan kawalan itu kepada peringkat pengedaran dan pengeluaran supaya pihak pengeluar dan pengedar tidak menjalankan manipulasi yang tidak sihat apabila berlaku sedikit kekurangan barang-barang yang disebutkan tadi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keadaan kawalan ini pihak Kementerian saya tentulah mengadakan koordinasi dengan pengeluaran ataupun pengedaran supaya bebanan yang dihadapi oleh pengguna tidaklah begitu kesulitan. Buat masa sekarang ini ada koordinasi begitu juga keadaan simen, berapakah pengeluaran simen dalam setahun dan apakah keperluannya di dalam negara ini; tentulah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan koordinasi dari segi pengeluaran.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, memandangkan bahawa Tahun Baru Cina akan datang tidak lama lagi saya mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada Kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan yang wajar untuk menentukan bahawa barang-barang makanan ataupun buah-buahan Cina

yang diimport dari negeri China ataupun Singapura dapat dinikmati oleh rakyat Tionghua atau Cina dalam musim Tahun Baru yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini barang-barang keperluan, barangkali buah-buahan tidak masuk barang-barang keperluan—mungkin. Yang Berhormat itu boleh jawablah.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan barang-barang keperluan, Kementerian saya dan Kerajaan amnya sentiasa mengambil perhatian di atas hari-hari perayaan seperti Hari Raya dan hari-hari besar Deepavali dan juga hari-hari Tahun Baru Cina ataupun apa-apa sahaja tahun baru, dan kita sentiasa mengawal keadaan supaya tidak ada kekurangan dari segi barang-barang keperluan ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini akibat daripada adanya kawalan barang-barang yang diadakan oleh kerana kadangkala dan kerap kali menguntungkan pihak pengeluar. Misalnya, oleh kerana adanya kawalan yang tidak membenarkan pemborong-pemborong mengimport barang-barang ini masuk daripada negeri luar maka pihak pengeluar hari ini mendapat keuntungan yang lebih. Contohnya gula. Apabila harga gula meningkat di pasaran dunia pihak Kementerian menaikkan harga gula. Tetapi apabila harga gula turun di pasaran dunia harga gula tetap ditahap yang lama dan contohnya boleh kita lihat misalnya pada tahun 1971

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan panjang sangat, ini bukan soalan tambahan lagi. Yang contoh tadi itu cukuplah. Ini naik sahaja dikekalkan bila turun tidak ada.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya, saya sudah terangkan, Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu kadang-kadang hendak naik pun lambat juga, hendak turun pun lambat juga. (*Ketawa*). Jadi, ada

kadang-kala sebab-sebab yang tertentu yang kenapa tidak dapat diturunkan. Saya sudah terangkan dahulu iaitu barang-barang gula yang dimisalkan oleh Ahli Yang Berhormat ini iaitu tiga cara pembelian iaitu long-term contract (LTC) dan juga dengan pembelian cara pasaran daripada pasaran dunia.

Jadi pasaran dunia ada yang tinggi, kadang-kadang itu dibanding dengan harga long-term contract, long-term contract lagi murah tetapi sekarang harga dunia barangkali kurang daripada long-term contract. Jadi, serba salah keadaannya kerana kita ada perjanjian cara lima tahun sekali, mengikut long-term contract ini maka pasaran itu adalah sedikit sebanyak terlibat dan berkaitan dengan harga gula dan yang long-term dan juga harga pasaran dan juga daripada tebu-tebu tempatan yang dikeluarkan daripada negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan lisan sudah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6, 11 dan 18 adalah diberi di bawah ini).

JABATAN PENUNTUT MALAYSIA DI AMERIKA SYARIKAT

3. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan bercadang hendak membeli sebuah bangunan di Amerika Syarikat seperti Malaysia Hall di London kerana bertambahnya bilangan penuntut-penuntut Malaysia sekarang di negara tersebut, ini supaya memastikan yang penuntut-penuntut kita tidak terbiar dan mereka akan dapat mengetahui berita-berita tanahair dan juga dengan adanya pegawai-pegawai yang ditugaskan sebarang masalah yang mereka hadapi boleh diuruskan dengan mudah.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Buat masa ini kita hanya mempunyai Jabatan Penuntut Malaysia bertempat di Washington D.C. tanpa Dewan Malaysia seperti di London. Dua atau tiga tahun dahulu bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Amerika Syarikat tidaklah besar tetapi

memandangkan pesatnya pertambahan bilangan pelajar-pelajar Malaysia di Amerika akhir-akhir ini, Kerajaan kita sedang menyusun langkah-langkah tertentu bagi menentukan pelajar-pelajar Malaysia tidak terbiar. Jabatan Penuntut Malaysia Washington sedang melalui proses pembesaran dengan diperbekalkan lebih ramai pegawai-pegawai kebajikan dan Kerajaan juga bercadang menubuhkan sekurang-kurangnya 2 cawangan Jabatan Penuntut Malaysia di mana tumpuan pelajar-pelajar Malaysia adalah besar dan ini bertujuan memberi perkhidmatan dan menjaga kebajikan pelajar-pelajar dengan lebih sempurna. Pembelian bangunan seperti yang disarankan bolehlah dipertimbangkan.

RISALAH BERPERANG JIHAD— MEMBAHAYAKAN

6. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar risalah-risalah dan seruan supaya orang-orang Islam berperang jihad terhadap Kerajaan telah disebarkan dengan leluasa di Terengganu, Kelantan dan Kedah dan sama ada ini boleh membahayakan keselamatan negara, dan kiranya benar apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi menjamin keselamatan negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Kerajaan memang sedar bahawa terdapat setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan risalah dan membuat seruan supaya orang-orang Islam berperang "jihad" terhadap Kerajaan di negeri Terengganu, Kelantan dan Kedah. Mereka yang tidak bertanggungjawab itu cuba memperalatkan agama Islam sebagai topeng untuk menimbulkan kekeliruan dan mengapi-apikan sentimen keagamaan semata-mata untuk kepentingan peribadi atau politik mereka. Dalam hal ini Kerajaan boleh mengambil tindakan sewajarnya dengan mengharamkan risalah berkenaan menurut undang-undang.

Suka saya tegaskan bahawa kegiatan mereka itu sehingga ini adalah terkawal serta

tidak mendapat sokongan sebilangan besar masyarakat. Dengan demikian kegiatan mereka itu sehingga ini tidaklah sampai ke peringkat yang boleh dianggap menjejaskan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara. Dalam pada itu, pihak Kerajaan sentiasa mengawasi dengan teliti kegiatan mereka itu dari masa ke semasa untuk memelihara kepentingan rakyat dan agama serta keselamatan negara.

Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

GETAH/KELAPA/KELAPA SAWIT/TEH/ KOKO—PEMILIKAN ORANG ASING

11. **Tuan P. Patto** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan ekar tanah di negara ini yang masih lagi dimiliki oleh orang-orang asing secara individu atau berkumpul dan syarikat-syarikat asing dengan memberi peratus pemilikan bila dibanding dengan tanah yang sedia ada ditanam dengan (a) getah; (b) kelapa; (c) kelapa sawit; (d) teh; dan (e) koko dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan bahawa tanah-tanah ini dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Pada tahun 1979, keluasan tanah yang masih dimiliki oleh orang asing bagi getah ialah 167,705 hektar atau 8.3% jika dibanding dengan kawasan tanaman getah seluar 2,023,000 hektar. Bagi kelapa, luas tanah yang dimiliki oleh orang asing ialah 13,088 hektar atau 6% berbanding dengan jumlah keluasan 214,575 hektar sementara keluasan koko yang dipunyai oleh orang asing ialah 13,096 hektar atau 16% berbanding dengan jumlah kawasan koko sebanyak 80,076 hektar. Bagi kelapa sawit, jumlah kawasan yang masih dimiliki oleh orang asing ialah 191,461 hektar atau 20.3% berbanding dengan jumlah kawasan kelapa sawit sebanyak 939,907 hektar. Mengenai teh, jumlah keluasan tanaman ialah 2,561 hektar dan peratus pemilikan asing ialah 7%.

Seperti yang kita sedia maklum, sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah membuka dan memajukan banyak tanah-tanah baru dalam setiap Rancangan Pembangunan Malaysia bagi dimiliki oleh rakyat Malaysia. Di samping itu, syarikat-syarikat asing di dalam sektor perladangan telah digesa supaya menyusun semula ekuiti mereka selaras dengan peratusan milik seperti ditetapkan dalam Outline Perspective Plan 1970-1990, dan dengan cara ini rakyat Malaysia akan juga dapat memiliki tanah-tanah kepunyaan syarikat-syarikat asing itu. Selain daripada itu, usaha-usaha membeli saham syarikat-syarikat asing oleh agensi-agensi tertentu untuk dipindah selanjutnya kepada rakyat Malaysia akan diteruskan untuk mencapai matlamat yang sama.

FELDA—AGEN PERUBAHAN

18. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar yang FELDA menjadi agen perubahan dan adakah benar yang rancangan FELDA lebih banyak menukar muka bumi membuka lebih dari 1.23 juta ekar tanah hutan selama ini dan tidak banyak pula di segi menukar sikap peneroka sendiri, disebabkan kerana masih terdapat banyak dari mereka sudah tidak mahu bekerja dalam tanah kepunyaan hak sendiri. Bagaimana caranya Kementerian boleh bertindak dalam perkara ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Sehingga sekarang ini FELDA telah dapat membuka seluas lebih kurang 1.3 juta ekar tanah yang dimajukan dengan berbagai jenis tanaman termasuk kelapa sawit, getah, koko, tebu dan kopi. Bilangan peneroka yang telah ditempatkan ialah seramai 69,263 keluarga.

Memang benar FELDA menjadi agen perubahan kerana FELDA juga menitik beratkan aspek-aspek pembangunan masyarakat peneroka supaya sikap serta sistem nilai mereka sejajar dengan keperluan pembangunan. Sejak dari awal lagi, selaras

dan selari dengan pembangunan ekonomi, FELDA telah merancang dan melaksanakan beberapa kegiatan dan projek pembangunan peneroka.

Setiap peneroka FELDA dikehendaki menandatangani surat perjanjian ketika mereka mula masuk ke rancangan FELDA. Surat perjanjian ini ada menggariskan setiap peneroka perlu menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan membaja, menanam semula atau kerja-kerja lain yang berkaitan supaya keadaan ladang sentiasa baik dan terkawal. Peraturan-peraturan dan sistem kerja juga diadakan bagi memastikan peneroka-peneroka mematuhi syarat-syarat tersebut. Ini bermakna jika ada peneroka-peneroka yang tidak mengerjakan ladang seperti yang diarahkan maka boleh dikenakan denda dan jika ada kes-kes peneroka-peneroka yang tidak mematuhi sistem dan peraturan penempatan tindakan tatatertib akan diambil sehingga kepada penyingkiran dari rancangan. Peraturan-peraturan sedemikian telah dirancang dan dipersetujui oleh pentadbiran FELDA dan peneroka.

Memang didapati ada peneroka-peneroka yang tidak mengerjakan ladang-ladang mereka tetapi bilangannya adalah kecil dan mereka ini terdiri dari peneroka-peneroka yang telah uzur, tua dan terlibat dalam bidang perniagaan. Walau bagaimanapun mereka diminta memastikan bahawa ladang-ladang mereka dijaga dengan baik dan bersih sama ada dikerjakan oleh ahli-ahli keluarga sendiri atau diupah kepada orang lain.

Jadi adalah tidak benar yang ramai peneroka-peneroka FELDA tidak mahu bekerja di ladang kepunyaan mereka sendiri.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah 1981.

Setiausaha: Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Badan

Pencegah Rasuah bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Badan itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua: Masih ada lagi Rang Undang-undang untuk bacaan kali yang pertama di peringkat ini. Bila hendak baca kali yang keduanya, Yang Berhormat.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Pada mesyuarat yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pada mesyuarat yang akan datang?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak baca kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang tidak payah bawa kali ini, kerana Parlimen akan diprorogued dan Rang Undang-undang ini kena bawa baru semula. Baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Anggaran Pembangunan, 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Kelima Belas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 63 (Jadual)—

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1982)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada empat Kementerian lagi untuk mendapat pertimbangan Majlis ini dan sekarang Majlis sedang menimbangankan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Pada masa Majlis ini ditangguhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Gerik sedang memulakan ucapannya dan sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Gerik menyambung ucapan.

3.39 ptg.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik): Tuan Pengerusi, menyambung kembali ucapan saya semalam, dalam mana saya telah menyatakan bahawa apabila pihak JKR hendak mengadakan satu-satu jalan ataupun lebuhraya, maka saya mencadangkan supaya lebuh raya ini kita adakan supaya dapat menguntungkan rakyat, supaya lebuh-lebuh raya yang hendak kita bina ini kalau boleh biarlah lebuhraya ini melalui kampung-kampung tradisional supaya dengan adanya lebuh-lebuh raya ini kampung-kampung tadi dapat kita bangunkan dan penduduk-penduduk yang tinggal di dalam kampung-kampung ini dapat kita beri satu orientasi kepada pasaran.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh B. 63, Butiran 1100, Program (1) Perkhidmatan dan Pengurusan dan Program (2) Jalan-jalan dan Jambatan dan P. 63 Butiran 11—Jalan raya Timur Barat.

Tuan Pengerusi, saya telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dalam masa menjawab soalan-soalan lisan bahawa beliau yakin, JKRLah merupakan agensi yang paling berkesan sekali membina jalan di negara kita ini. Saya amat bersetuju dengan pendirian beliau. Tetapi malangnya sungguhpun beliau mempunyai keyakinan bahawa JKR itu begitu berkesan sekali membina lebuhraya ataupun jalan raya tetapi malangnya apabila kita membina jalan raya daripada Ipoh ke Kuala Kangsar ataupun Changkat Jering dan Ipoh ke Bidor jalan-jalan raya ini telah diberikan ataupun ditenderkan kepada

pemborong-pemborong sedangkan hari ini 400 orang pekerja-pekerja yang ada di Lebuhraya Timur/Barat di Gerik mereka telah pun selesai menjalankan tugas mereka membina lebuhraya daripada Gerik ke Jeli. Mereka ini akan ditukarkan ke satu-satu projek yang lain.

Saya ingin mencadangkan supaya di masa-masa yang akan datang memandangkan yang Kerajaan akan membina sebuah lebuhraya ataupun banyak membelanjakan wang dalam masa membina Lebuhraya Timur/Barat sama ada daripada segi untuk menimba pengalaman, sama ada daripada segi keselamatan, sama ada daripada segi sabotaje daripada pihak-pihak penganas dan sebagainya, saya ingin mencadangkan supaya pekerja-pekerja ini yang telah pun banyak mempunyai pengalaman digunakan dalam masa kita hendak membina lebuhraya ataupun jalan raya di masa yang akan datang.

Saya ada mendengar berita bahawa pihak Kerajaan akan membina sebuah lebuhraya lagi daripada Gerik ke Butterworth. Saya ingin mencadangkan supaya lebuhraya daripada Gerik ke Butterworth ini dibina sendiri oleh pihak JKR sesuai dengan saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa JKR hari ini merupakan agensi yang paling berpengalaman sekali di negara kita ini daripada segi membina jalan raya. Kalau hari ini misalnya Yang Berhormat Menteri sendiri mempunyai keyakinan kepada pekerja-pekerja JKR kenapakah JKR masih lagi memberi tender kepada pemborong-pemborong untuk membina jalan-jalan raya ataupun jalan-jalan di negara kita ini. Hari ini terdapat 400 pekerja-pekerja JKR yang bertempat di Base Camp di Gerik dan mereka ini telah pun sesuai tinggal di Gerik dan mereka hari ini merayu supaya mereka dibenarkan ataupun dibolehkan untuk membina lebuhraya daripada Gerik ke Butterworth.

Kalau hari ini misalnya Yang Berhormat Menteri berpaling dan mengatakan bahawa JKR hari ini tidak mampu maka 400 pekerja tadi akan ditukarkan daripada Base Camp kita di Gerik. Dan kalau hari ini Yang Berhormat Menteri hendak mengatakan bahawa pekerja-pekerja ini tidak ada

pengalaman, Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengatakan bahawa JKR merupakan badan yang paling berpengalaman dalam membina lebuhraya. Jadi, saya berharap supaya tidak timbul kontradiksi di antara saranan-saranan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Hari ini kami penduduk-penduduk di Gerik begitu mesra sekali dengan pekerja-pekerja di Base Camp Gerik yang datang daripada Terengganu, Kedah, Kelantan dan sebagainya. Kami merayu kepada pihak Kerajaan supaya pekerja-pekerja di Base Camp di Gerik ini dikekalkan. Oleh kerana kita ada lebuhraya yang hendak dibina, saya mencadangkan supaya mereka ini ditugaskan untuk membina lebuhraya daripada Gerik ke Butterworth.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan Butiran 1100, Program (2) Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan. Saya ingin menyarankan kepada pihak JKR memandangkan sebagaimana saya katakan semalam, Lebuhraya Timur/Barat daripada Jeli ke Gerik telah pun siap dan mungkin dapat digunakan tidak berapa lama lagi, saya ingin mencadangkan supaya jalan daripada Kuala Kangsar ke Gerik dan juga Gerik ke Keroh diperbaiki dengan segera. Kerana hari ini kalau misalnya lebuhraya daripada Jeli ke Gerik telah kita siapkan tetapi jalan raya daripada Gerik ke Kuala Kangsar masih lagi seperti keadaan yang dahulu, seperti kata pepatah 'seperti ular kena palu!', bengkok, bengkok dan sebagainya, maka ini sudah tentu akan menimbulkan kesulitan kepada penduduk-penduduk tempatan. Oleh kerana hari ini pengaliran traffic di antara Kuala Kangsar dengan Gerik begitu kecil sekali tetapi apabila siapnya lebuhraya di antara Jeli dengan Gerik maka pengaliran traffic di antara Gerik dengan Kuala Kangsar akan bertambah mungkin 10 kali ganda. Oleh kerana jalan raya hari ini tidak diperbesarkan dan jalan raya masih lagi tidak lurus maka saya mencadangkan supaya kerajaan memperbaiki, memperbesar dan meluruskan jalan raya ini dimulakan dengan segera. Kerana apabila lebuhraya daripada Jeli ke Gerik disiapkan maka ini akan menimbulkan satu masalah kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan raya. Dan sudah tentulah kalau

jalan raya ini digunakan oleh 10 kali lebih banyak kereta-kereta ataupun kenderaan, maka 10 kali lebih banyak lagi kemalangan-kemalangan akan berlaku di jalan raya ini seandainya jalan raya ini tidak diperbaiki atau diperbesarkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan B. 63, Butiran 1100, Program (4) Bangunan-bangunan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak JKR oleh kerana hari ini pihak JKR telah pun membina begitu banyak sekali bangunan yang indah-indah di negara kita ini. Di Gerik juga tidak ketinggalan terdiri beberapa buah bangunan yang cantik-cantik dan indah-indah tetapi malangnya bangunan-bangunan ini apabila didirikan begitu indah sekali tetapi selepas lima, enam tahun bangunan-bangunan ini didirikan maka bangunan ini akan nampaknya begitu lusuh sekali, begitu buruk sekali kerana tidak ada maintenance yang sebaik-baiknya dijalankan terhadap bangunan-bangunan ini. Kadangkala kalau kita pergi misalnya ke bilik-bilik air di bangunan-bangunan ini terutama sekali di sekolah-sekolah yang terdapat di luar-luar bandar maka kita dapati tandas-tandas yang digunakan oleh pelajar-pelajar di luar bandar begitu kotor, begitu tidak sesuai sekali dengan bangunan sekolah yang begitu cantik dan sebagainya. Jadi, saya berharap kepada JKR bukan sahaja pihak JKR sepatutnya mendirikan bangunan yang cantik-cantik, bangunan yang indah tetapi juga maintenance kepada bangunan-bangunan ini mestilah dijalankan dengan begitu berkesan sekali.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Perkhidmatan dan Pengurusan iaitu berkenaan dengan Perkhidmatan Perancangan. Pihak JKR hari ini telah pun dan sedang dalam proses memoina tiga buah tangki air dalam kawasan Parlimen Gerik iaitu di Kampung Lawin, Kampung Kerunai dan juga Kampung Bukit Sapi tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, projek-projek ini yang telah diluluskan lebih

kurang tiga tahun yang sudah tetapi setakat hari ini masih lagi dalam proses. Jadi, yang menjadi masalah kepada kita hari ini pada mulanya pihak penduduk-penduduk kampung telah mencadangkan misalnya di Kampung Lawin supaya pihak JKR mengambil air daripada satu sumber yang tertentu dan di Kampung Kerunai misalnya daripada satu sumber yang tertentu juga iaitu daripada Sungai Berok tetapi pihak JKR mengadakan penyiataan selama setahun setengah dan di Kerunai sehingga dua tahun dan akhirnya pihak JKR mengikut balik kata-kata daripada pihak JKK di kampung tadi iaitu mengambil air daripada Sungai Berok. Dan di Bukit Sapi penduduk Bukit Sapi telah mencadangkan tiga tahun yang lalu kepada pihak JKR supaya air daripada Sungai Soh diambil oleh pihak JKR tetapi pihak JKR mengadakan satu kajian perancangan selama tiga tahun dan mengatakan air sungai tadi beracun tetapi akhirnya pihak JKR mengambil juga air daripada Sungai Soh.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

3.50 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang bekalan air yang di bawah muka surat 593, Program (3).

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang kehilangan dan pembaziran air pili yang sedang dilakukan dalam negara kita. Tanahair kita menghadapi satu anomali ataupun satu keadaan yang luar biasa. Semasa banyak tempat tidak dapat menikmati air pili sejak kemerdekaan terdapat juga air pili yang hilang atau dibazirkan dalam satu kadar yang amat menakutkan. Saya tidak mempunyai angka bagi seluruh negara tetapi bagi Daerah Hilir Perak adalah didapati sebanyak 6.5 milion gelen hingga 7 milion gelen air disalurkan ke Hilir Perak daripada Tapah atau Sungai Woh tiap-tiap hari, tetapi bilangan gelen air yang digunakan dan dibayar adalah di dalam lingkungan 4 milion gelen sahaja. Ini bermakna hampir-hampir 3 milion atau 40% adalah hilang atau dibazirkan. Sekiranya angka kehilangan ini applicable di seluruh negara jumlah kehilangan dan pembaziran

adalah amat besar (very huge). Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya langkah-langkah yang berkesan harus diambil untuk menyelamatkan air yang telah ditapis itu.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini saya ingin mencadangkan supaya satu pasukan ronda harus diwujudkan untuk memeriksa sepanjang main pipe dari semasa ke semasa, iaitu daripada punca "intake" air ke kolam air dan ke kawasan-kawasan penggunaan dengan tujuan memeriksa dan mencegah kebocoran dan kecurian. Kedua, mengadakan meter-meter di interval tertentu supaya kawasan-kawasan kehilangan dapat ditentukan.

Tuan Pengerusi, Daerah Hilir Perak adalah satu wilayah yang rendah dan rata, oleh yang demikian adalah perlu bagi tangki-tangki dibina di tempat-tempat yang strategik untuk menambah tekanan air.

Tuan Pengerusi, bagi Daerah Hilir Perak saya ingin merayu kepada Kementerian ini supaya sebagai rancangan peringkat pertama memasang satu main pipe lagi daripada kolam air Changkat Jong ke Bagan Datok melalui Telok Anson. Di tempat-tempat lain masalahnya ialah kekurangan air atau dengan adanya paip tidak ada air. Tetapi di Hilir Perak masalahnya ialah bukan kekurangan air tetapi tidak mempunyai main pipe yang cukup untuk membawa air kepada para pengguna. Adalah dianggarkan seseorang menggunakan lebih kurang 40 gelen air sehari dan dengan 300,000 penduduk di Hilir Perak kita patut mengadakan 12 milion gelen air sehari tetapi Daerah Hilir Perak hanya mendapat lebih kurang 4 milion gelen sahaja. Buat masa sekarang terdapat satu pipe 15 inci diameter dan satu yang lain berukuran 12 inci diameter yang menyalurkan air daripada kolam air Changkat Jong ke Bagan Datok, ini adalah tidak mencukupi. Kekurangan air atau dengan lebih tepat lagi kekurangan paip air telah melambatkan segala pembangunan dan kemajuan, khususnya kemajuan perumahan. Pihak Berkuasa Tempatan telah menolak ataupun menangguhkan banyak permohonan rancangan perumahan di Hilir Perak oleh sebab kekurangan air. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian

ini supaya memasang satu main pipe tambahan daripada Changkat Jong ke Bagan Datok dan bagi peringkat kedua, satu main pipe berukuran 27 inci juga dipasang dari Sungai Woh ke Changkat jong. Ini adalah satu rayuan saya dan saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.55 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerja raya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Menyentuh B. 63, muka surat 593, Butiran 1100, Program (1) Perkhidmatan-perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran.

Saya rasa sudah banyak kali kita dengar sebutan-sebutan dan kata-kata nasihat dari Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang berunsur memberi perangsang dan semangat kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, dengan ini saya mengalu-alukan usaha beliau. Tetapi masalah kontraktor-kontraktor bumiputera ini adalah seperti 3 atau 4 tahun yang lepas. Kalau hendak kata maju pun tak maju, kalau hendak kata tak maju, ada juga kemajuan, tetapi saya mesti tegaskan di sini yang dikatakan kemajuan itu pun dari segi pengalaman yang pahit dan menempuhi zaman pancaroba di dalam alam kegiatan kontrak.

Tuan Pengerusi, kita harus sedar bahawa kontraktor bumiputera baru sahaja berkecimpung di dalam kegiatan kontrak, dengan ini mereka adalah mentah jika dibandingkan dengan kaum lain. Mereka dapat dianggap sebagai lilin yang sedang menyalu oleh tiupan angin. Keadaan mereka sungguh-sungguh, sudahlah tidak begitu berpengalaman, menempuhi pula bermacam-macam dugaan. Jadi saya sangat berharap agar pihak Kementerian memberi bantuan-bantuan yang perlu di dalam meringankan perjalanan mereka.

Satu perkara yang harus kita timbang adalah mengenai kemampuan kontraktor bumiputera. Kita perlu menerima hakikinya

iaitu kontraktor bumiputera telah tidak mempunyai modal yang banyak, jadi apabila bayaran secara berperingkat (progress payment) itu lewat, ini menimbulkan satu masalah yang begitu besar. Kadang-kadang kalau tak tahan kita dengar beberapa kontraktor lari atau enggan meneruskan kontrak, kemudian pihak Kementerian akan mempersalahkan mereka. Jadi saya berpendapat bahawa bayaran berperingkat itu adalah nyawa bagi kegaitan kontrak, terutama sekali bagi kontraktor-kontraktor bumiputera.

Tuan Pengerusi, kadangkala apabila bayaran lewat, kontraktor bumiputera menghadapi satu keadaan serba salah, kalau hendak tanya selalu pun bayaran berperingkat di masa akan datang akan terjejas, kalau tak ditanya, perniagaan mungkin ditutup. Apakah pandangan Kementerian mengenai hal ini? Jadi saya harap pihak Kementerian akan meneliti dan menyiasat tentang apa-apa aduan di mana bayaran berperingkat sengaja dilewatkan. Saya cadangkan supaya satu biro aduan ditubuhkan di peringkat Persekutuan untuk maksud ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh Program yang sama, kita sedar bahawa dengan perkembangan ekonomi kita perlu satu sistem perhubungan yang memuaskan. Satu usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan adalah dengan membina beberapa batang lebuhraya. Usaha seperti ini sangat digalakkan. Kita juga sedar bahawa salah satu fungsi lebuhraya adalah untuk mempercepatkan pergerakan kenderaan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Dengan ini adalah mustahak sekali lebuhraya yang disiapkan itu sentiasa berada di dalam keadaan memuaskan dan selamat bagi pengguna-penggunanya. Sebagaimana yang kita ketahui ada tempat-tempat yang agak merbahaya di sepanjang sesuatu lebuhraya itu. Sebagai contoh, Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban ada tempat-tempat di mana jalan itu tidak sama rata dan merbahaya pada satu kenderaan yang sedang dibawa dengan agak laju. Selain daripada itu di persimpangan Kajang dan Nilai, begitu juga dengan jalan menuju ke utara Semenanjung di mana saya rasa masih terdapat beberapa kawasan yang

merbahaya. Jadi, saya harap pihak Kementerian akan mengkaji semula jalan-jalan tersebut. Saya ingin mencadangkan bahawa:

- (1) Membina lebih banyak papan tanda yang agak besar untuk memberi amaran kepada pengguna-penggunanya,
- (2) Membina jalan-jalan yang betul di mana terdapat jalan-jalan yang bengkok-bengkok, dan
- (3) Menentukan jalan-jalan berada dalam keadaan yang selamat dengan menampalkan lubang-lubang yang didapati di atas permukaan jalan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.01 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada muka surat 593 di bawah Maksud B. 63, Program (3) Bekalan Air. Atas perkara bekalan air saya ingin menggesa Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam melaksanakan program rancangan bekalan air bagi memenuhi keperluan air yang semakin meningkat di kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Pengerusi, memandang bahawa berjuta-juta ringgit diperlukan untuk melaksanakan berbagai-bagai rancangan bekalan air di kawasan bandar dan luar bandar di negara kita, saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan akan mengambil setiap langkah untuk menentukan bahawa semua projek-projek, rancangan-rancangan bekalan air baikpun untuk Semenanjung Malaysia Barat ataupun di Sabah dan di Sarawak dapat dilaksanakan dengan cepat dan lancar.

Untuk mencapai objektif ini mungkin satu perkara yang amat penting yang hendak

dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan dan itu ialah bahawa tindakan hendaklah diambil untuk menentukan bahawa Jabatan-jabatan Bekalan Air mempunyai tenaga yang cukup khasnya kakitangan-kakitangan untuk perancangan, kakitangan-kakitangan teknikal supaya mereka dapat memainkan satu peranan yang penting melaksanakan berbagai-bagai rancangan bekalan air dengan seberapa cepat dan lancar.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa sebuah Jabatan Khas untuk mengambil tugas bekalan air akan ditubuhkan di setiap negeri untuk memastikan bahawa projek-projek yang bernilai \$1.4 billion di bawah Rancangan Malaysia Keempat akan dilaksanakan dengan cekap. Di sini saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada semua negeri-negeri telah menubuhkan Jabatan Khas itu yang diarahkan oleh Kementerian yang berkenaan. Saya rasa apa yang mustahak ialah bahawa Kerajaan patut merancang dengan lebih sistematik dan berkesan ke arah masa depan mengenai bekalan air supaya masalah-masalah yang kita mengalami pada masa yang lalu ketika musim kemarau berlaku tidak akan timbul lagi.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk menegaskan di sini bahawa apa yang diperlukan oleh negara dan penduduk-penduduk ialah satu dasar bekalan air jangka panjang, satu dasar bekalan air negara. Kita patut sedia merancang ke arah tahun 2,000 dan bukan untuk masa lima tahun ataupun sepuluh tahun sahaja. Kita mesti bersiap untuk merancang dengan tujuan untuk memenuhi keperluan air bagi tahun 2,000. Atas perkara bekalan air, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada kawasan Lembah Kelang, satu kawasan yang pesat dengan pembangunan. Sejak tahun lalu dan sehingga sekarang penduduk-penduduk dan kilang-kilang di kawasan Lembah Kelang ini termasuk di Petaling Jaya sentiasa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan air dengan berlakunya kekurangan air dan diikuti dengan catuan air.

Tuan Pengerusi, walaupun Kementerian yang berkenaan telah melaksanakan beberapa rancangan bekalan air, misalnya di Kuala Lumpur; di Sungai Batu, di Sungai Bunus termasuk rancangan bekalan air di Sungai Semenyih di Ulu Langat, Selangor yang ada terkandung di dalam muka surat 602 di bawah Maksud P. 63, akan tetapi saya bimbang—saya ada sebut, saya bimbang sama ada bekalan yang telah dirancangan itu dapat menampung keperluan sehingga tahun 1983 ataupun tahun 1985 yang akan datang dan saya masih belum dapat dipastikan sama ada rakyat, penduduk-penduduk di Lembah Kelang, di Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Kelang di Petaling Jaya akan tidak lagi pada masa yang akan datang mengalami masalah kekurangan air.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa langkah-langkah dan perancangan yang lalu untuk mengatasi kekurangan air telah terbukti tidak mampu menampung keperluan.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa keperluan air di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitar Lembah Kelang sedang meningkat dengan kadar 20% setahun dan dijangka akan meningkat dua kali ganda dalam tempoh sepuluh tahun akan datang kerana penambahan aktiviti-aktiviti kemanusiaan dan perindustrian, oleh itu besar kemungkinan bahawa sumber-sumber air itu sekarang ini akan kehabisan sebelum tahun 1985 melainkan langkah-langkah baru untuk mengatasinya dijalankan dengan seberapa segera.

Tuan Pengerusi, masalah pokok yang dialami oleh kita ialah tadi saya kata bahawa Kerajaan belum mempunyai satu dasar bekalan air negara, satu dasar jangka panjang, satu dasar yang membolehkan negara untuk memenuhi keperluan air untuk kegunaan penduduk-penduduk dan perindustrian sehingga tahun 2,000 khasnya di kawasan Lembah Kelang. Oleh hal yang demikian, saya ingin menegaskan di sini bahawa satu dasar bekalan air negara adalah sangat diperlukan dan digunakan sebagai asas untuk perancangan jangka panjang.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan untuk menubuhkan satu badan petugas khas untuk mencari sumber-sumber air yang lain termasuk sumber air bawah tanah ataupun memproses kembali air yang telah digunakan dan air di lombong-lombong bijih juga.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh iaitu berkenaan dengan Maksud B. 63 dalam muka surat 593, Program (4) dan (5) Bangunan-bangunan dan lapangan-lapangan terbang.

Mengenai bangunan lapangan terbang, suka saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan betapa pentingnya bagi pihak JKR untuk sentiasa menjaga masalah penyelenggaraan alat-alat kelengkapan menjaga masalah penyelenggaraan alat-alat kelengkapan yang ada dipasang di lapangan terbang. Tujuannya ialah untuk menentukan bahawa semua alat-alat kelengkapan itu seperti lampu-lampu berada dalam keadaan yang selamat.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kepada insiden yang berlaku baru-baru ini di Terminal I, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang di mana lampu-lampu yang ada di pasang di atas bangunan itu telah runtuh dan telah mengakibatkan banyak keadaan kelam-kabut. Dan saya rasa bahawa sekiranya pihak JKR sentiasa menjaga penyelenggaraan ataupun maintenance alat-alat kelengkapan itu, sudah tentu insiden itu tidak boleh berlaku. Oleh sebab kita pun tahu bahawa dengan adanya maintenance, dengan sebab kapal terbang datang dan berlepas yang selalu membawa vibration, saya berpendapat bahawa ini adalah perlu supaya JKR ada mengambil langkah-langkah untuk sentiasa memeriksa, menjaga atau menyelenggarakan apa-apa alat kelengkapan yang ada dipasang di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.12 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya

hendak memberi pandangan sedikit iaitu mengenai muka surat 593, Butiran 1100, Program (1) Pengurusan dan Pentadbiran.

Sebagaimana kita tahu, banyak projek-projek Kerajaan khususnya projek kecil yang mana menggunakan peruntukan Jabatan Perdana Menteri, sekarang ini peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya misalkan khususnya banyak menggunakan khidmat Jabatan Kerja Raya untuk melukis pelan-pelan, untuk pengurusan, untuk menyediakan kertas-kertas tawaran dan sebagainya malahan untuk segala kerja-kerja di mana projeknya yang bernilai \$25,000 ke atas, maka sudah tentulah kita terpaksa menggunakan khidmat Jabatan Kerja Raya, tetapi sungguhpun kita banyak projek-projek yang tergendala oleh sebab kekurangan kakitangan tenaga mahir dalam Jabatan Kerja Raya dan seharusnya untuk memperbaiki keadaan ini maka sudah tentulah kita terpaksa mengambil tindakan untuk membanyakkan lagi pegawai-pegawai yang berkenaan.

Malangnya, saya tidak faham kenapakah dalam peruntukan pada tahun 1981 yang telah pun diperuntukkan lebih \$41 juta, tetapi pada tahun 1982 hanya \$30 juta, kurang \$10 juta. Jadi saya tidak faham di mana keadaan sebenarnya patut kita tambahkan lagi peruntukan bagi tahun 1982. Ini bermakna sudah tentulah pada tahun 1982 tenaga untuk menjayakan projek-projek berbagai jabatan, akan kekurangan lagi dan ini sudah tentu akan mengecewakan rakyat. Jadi saya rasa pihak JKR haruslah menghadapi kenyataan bahawa mereka itu kekurangan kakitangan. Oleh sebab itu, saya rasa dalam mesyuarat-mesyuarat penyelarasan dengan jabatan-jabatan lain, mereka mestilah mengakui kenyataan bahawa mereka ini tidak mampu untuk menerima segala-galanya, untuk mengendalikan projek-projek jabatan lain. Kalau mereka anggap: Ah! Ini saya boleh buat, itu saya boleh buat, maka semua projek dilonggokkan kepada JKR dan sampai masanya tidak dapat dikendalikan.

Misalnya saya dan rakan-rakan saya sendiri, kita pergi melobi di sana sini meminta

peruntukan khas untuk memperbaiki nasib rakyat tetapi kadangkalanya sampai dua tahun tidak dapat dilaksanakan, semuanya tergendala di JKR, tidak dapat melukis pelan dan sebagainya. Jadi saya ingin menyarankan kepada pihak JKR dalam mesyuarat-mesyuarat mereka untuk memperbaiki sistem pentadbiran ataupun penyelarasan khasnya dengan Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, biarlah satu keputusan dibuat sekurang-kurangnya untuk jangka pendek iaitu segala-gala kontrak \$25,000 ke bawah Pegawai Daerah sendiri boleh mengambil tindakan tetapi \$25,000 ke atas sehingga \$100,000 saya cadangkan biarlah Pegawai-pegawai Daerah ataupun jabatan-jabatan yang berkenaan dibenar menggunakan tenaga kepakaran swasta iaitu arkitek ataupun structural engineers ataupun draftsmen dan sebagainya menggunakan tenaga kepakaran swasta dengan menggunakan kadar maksima sebanyak 10% daripada peruntukan yang diperuntukkan kepada sesuatu projek. Jadi kalaulah projek itu \$100,000 maka jabatan-jabatan yang berkenaan khasnya Pegawai Daerah diberi kuasa untuk menggunakan \$10,000 untuk maksud menggunakan arkitek ataupun structural engineers pihak swasta. Dengan itu sahajalah saya rasa segala projek yang telah diluluskan dapat diselesaikan dan dilaksanakan sebelum akhir sesuatu tahun.

Jadi ini satu perkara yang cukup penting bagi saya dan kalaulah perkara ini dapat dipersetujui maka sudah tentu beban kerja JKR akan kurang sedikit dan mereka dapat menumpukan perhatian kepada kerja-kerja yang bakinya yang mana dapat diselaraskan dengan lebih licin lagi.

Saya pergi kepada muka surat 597, Butiran 6 (viii) "Supporting Network" untuk Jalan Raya Timur/Barat.

Sebagaimana kita semua tahu bahawa Lebuhraya Timur/Barat itu sekarang sudah sampai ke Gerik tetapi peringkat kedua dari Gerik ke Butterworth akan melalui Bandar Kulim dan dua tahun sudah kita telah pun mengadakan satu perbincangan high powered committee dan benarkan saya sebutkan nama,

dihadiri oleh Encik Zaidan sendiri, Ketua Pengarah Highway Corporation sekarang ini di mana satu persetujuan telah pun dicapai di Alor Star dalam Mesyuarat Tindakan Negeri dan selepas itu satu mesyuarat khas di mana dalam peringkat kedua antara Grik ke Butterworth—jalan antara Kulim ke Butterworth akan diberi keutamaan iaitu satu lebuhraya khas antara Kulim ke Butterworth. Ini oleh sebab jalan yang sedia ada sekarang ini tidak lagi boleh digunakan untuk membawa container yang besar.

Kawasan industri yang begitu besar di kilang lama di Kulim sekarang ini menghadapi masalah kerana tidak boleh container mereka menggunakan jalan yang sedia ada. Sebab itu container itu terpaksa berjalan di waktu malam, itu pun banyak membahayakan rakyat yang duduk di sekitar jalan itu dan oleh sebab perkara ini telah pun disetujui oleh semua bahawa ada satu perkara yang mendesak dan sudah tentu lebuhraya antara Kulim ke Butterworth akan mengambil masa untuk dibina maka pihak JKR telah setuju supaya jalan yang sedia ada sekarang ini antara kawasan industri itu ke Butterworth akan dapat diperbesarkan secara short-term measure. Tetapi sudah tentu dua tahun, apakah jadi dengan persetujuan ini? Dan akibatnya banyak pengilang-pengilang ataupun pelabur-pelabur yang ingin membuka perniagaan dan factory mereka di kawasan industri di Kulim terpaksa lari ke tempat-tempat lain. Akibatnya masalah pengangguran yang begitu rumit di Kedah Selatan tidak dapat diatasi oleh sebab kecuaihan pihak JKR.

Jadi saya ingin bertanya, sebab perkara ini telah pun dipersetujui di hadapan orang ramai, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri di mana lebuhraya dari Kulim ke Butterworth akan diadakan satu "four lane" jalan dan diberi keutamaan sebelum feeder roads yang lain-lain antara Baling ke Kulim akan dibuat.

Keduanya, satu penyelesaian jangka pendek jalan yang sedia ada akan diperbesarkan. Memang kalau tidak salah saya dua tahun sudah kerja-kerja permulaan, kerja-kerja awal untuk mengukur bagaimana hendak membesarkan jalan ini sudah pun

dimulakan, tetapi terhenti sudah dua tahun. Akibatnya adalah cukup merugikan kami di Kedah Selatan. Soal pokoknya di mana-mana terjadi satu kecuaihan, akibatnya adalah begitu dirasai oleh kami di Kedah Selatan.

Dalam hubungan ini juga, saya takut sekarang ini jalan Utara-Selatan sudah pun pesat berjalan, dibangunkan sama ada di berbagai-bagai peringkat dan berbagai-bagai interchange sedang direkakan, mungkin dalam beberapa bulan yang akan datang akan ditawarkan untuk dibina dan sudah tentulah jalan Timur-Barat itu akan menemui jalan Utara-Selatan, sudahkah pihak Highway Corporation ini mengambilkira mengenai perkara ini dan sesuatu interchange ini mengambil perhitungan juga dengan keperluan iaitu Lebu Raya Timur-Barat. Kalau perkara ini tidak diambilkira dari sekarang lagi maka sudah tentulah beberapa kesilapan teknikal akan dibuat dan kemudian kelak apabila perkara ini hendak dibaiki sudah tentu Kerajaan dan rakyat akan kerugian berjuta-juta ringgit. Saya rasa ini perlulah diberi perhatian sekarang juga.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, mengenai muka surat 599 iaitu Rancangan Pemulihan Lebu raya.

Satu lagi perkara yang saya terpaksa menyebutkan ialah kawasan saya, tetapi saya rasa ini boleh digunakan sebagai contoh untuk kawasan-kawasan yang lain. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri juga telah pun dibuat keputusan supaya satu batang jalan antara Serdang-Kedah ke Bandar Baru Kedah iaitu diserahkan sebagai suatu jalan Federal dan surat rasmi mengenainya telah pun dihantar kepada Ibu Pejabat JKR oleh Menteri Besar Kedah. Jalan ini adalah merupakan main trunk-road Utara-Selatan di Kedah dan oleh sebab jalan ini telah pun rosak ditenggelami air oleh sebab tanahnya tidak begitu stabil dan sebagainya maka suatu peruntukan kecemasan telah pun diberi oleh Kerajaan Federal untuk memperbaiki satu batu dahulu dan peruntukan ini telah pun dibuat pada akhir tahun 1980, tetapi sekali lagi oleh sebab aturan peraturan Kerajaan JKR, maka jalan ini dapat ditender hanya pada penghujung tahun 1981 sedang dibina

sekarang ini, kontraknya mula bulan sudah walaupun kontrak ini seharusnya bermula pada bulan Ogos tahun sudah. Dan sudah tentu perjanjian yang telah pun dipersetujui (understanding) dalam masa kita membina sebatu jalan ini, maka peruntukan tambahan akan diperolehi supaya kerja-kerja memperbaiki jalan itu sepanjang 4 batu, kalau tidak salah dapat diselesaikan terus-menerus tanpa terhenti-henti. Tetapi saya yakin bahawa tidak ada sesuatu tindakan dibuat untuk mencari peruntukan tambahan supaya kerja-kerja pembinaan yang sedang berjalan pada masa ini sepatutnya dapat disambung apabila ianya selesai dalam masa dua bulan lagi. Ini adalah satu main trunk-road yang menyambungkan Kedah Utara dengan Kedah Selatan.

Jadi, oleh sebab begitu susah sangat hendak mencari peruntukan saya harap pihak Kementerian dapat mempergunakan peruntukan ini dalam Butiran 19, muka surat 599, yang telah pun diperuntukkan sebanyak \$25 juta digunakan wang ini untuk rehabilitate jalan yang saya maksudkan— iaitu Timbalan Menteri mungkin hendak catat sedikit iaitu jalan antara Serdang ke Bandar Baru Kedah. Perkara ini sudah pun dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Kedah.

Akhir sekali, muka surat 600, Butiran 61— Bekalan air.

Saya rasa kami sendiri di Kulim-Bandar Baru telah pun diberi berbagai-bagai taklimat tentang rancangan itu, rancangan ini, siaran-siaran dan kenyataan-kenyataan akhbar pun telah dibuat oleh Menteri, oleh Pengarah JKR, oleh Menteri Besar dan sebagainya. Tetapi selepas 3 tahun, saya menjadi Wakil Rakyat tidak ada suatu kemajuan. Saya rasa ini juga pengalaman di tempat-tempat yang lain. Kita tidak boleh salahkan pihak JKR, tetapi kita hanya menyalahkan pihak JKR kerana JKR tidak mahu mengakui kenyataan bahawa mereka ini tidak cukup kakitangan, tetapi masih hendak menjadi hero, inilah yang susah.

Kalau dalam perjumpaan mereka beritahu betul-betul mengatakan mereka ini bukan hero, sebab tidak mempunyai kakitangan, maka sudah tentu suatu formula yang lain

boleh dicari, tetapi hendak mengakui dia itu hero dan tidak boleh buat kerja. Jadi saya rasa kalau kita bayangkan keadaan yang terdapat dalam suatu Ibu Pejabat JKR Daerah ada Executive Engineer, kadangkala ianya adalah baru keluar daripada Universiti dan beberapa orang T.A. (Pembantu Teknik) mereka terpaksa menjalankan projek-projek persekolahan, projek-projek Jabatan Perubatan, projek-projek kecil, projek-projek keagamaan, projek-projek Majlis Daerah Kerajaan Tempatan bagaimana mereka boleh tumpukan perhatian mengenai projek-projek yang agak lebih specialised sedikit, misalnya dengan projek-projek bekalan air jangka pendek dan jangka panjang. Jadi saya rasa soal air kita boleh bercakap sahaja dan sekali lagi saya ingin menyarankan penyelesaiannya, solutionnya adalah dengan menubuhkan satu lembaga asing, lembaga bekalan air asing kerana ini adalah satu bidang pengkhususan. Kalau kita ada suatu Lembaga Bekalan Air.....

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:maka sudah tentulah tumpuan dapat diberi kepada perkara ini dan dengan sendirinya segala masalah yang bersangkutan dengan air ini dapat diselesaikan dengan lebih licin dan sempurna.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sandakan.

4.29 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Mr Chairman, I rise to participate in the debate on the Estimates of the Ministry of Works and Utilities wherein this House has been requested to approve a sum of \$1,404,478,669 being Operating and Development Expenditures for the Ministry next year.

I wish to refer to Maksud B. 63, Butiran 1100, tajuk Gaji dan Upahan, Program (2) Jalan dan Jambatan, (3) Bekalan Air and (5) Lapangan-lapangan Terbang, Pelabuhan-pelabuhan dan Pengkalan-pengkalan.

Tuan Pengerusi: Muka berapa, Ahli Yang Berhormat? What is the page?

Tuan Fung Ket Wing: Page 593. Mr Chairman, the road linking Kota Kinabalu to Sandakan and Sandakan to Lahad Datu is still awaiting completion, particularly the stretch between Telupid and Sandakan. This stretch has been completed more than 10 years ago but remains untarred. Mr Chairman, this road is the only gateway to the west coast and is an important link between the east coast and the west coast of Sabah. The other sector is the road linking Sandakan and Lahad Datu. That is also a very important stretch.

Unless the roads are completed, the people will fear great communication difficulties, especially food supplies cannot be sent to the people in the kampungs quickly and with ease. Farmers too are unable to bring their produce to the towns for sale as by the time they reach the towns the fruits and vegetables would have withered.

The other point I wish to touch on is the construction of bridges over the Kinabatangan and Segamat rivers. These two rivers lie between the Sandakan and Lahad Datu Highway and are at present served by ferries. This causes inconveniences to the people. Many lives have been lost in the Kinabatangan River. I "therefore" urge the Government to speed up the construction of bridges over these two rivers.

Mr Chairman, the problem of water shortage is very acute in Sabah. Water in Sabah is usually supplied to the urban areas. The people living in the interior depend on rain water or water from the rivers which is not purified. In the urban areas of Sabah complaints of water rationing, burst pipelines and muddy water are the order of the day. In Sandakan water shortage is a common problem. Although the Public Works Department claims that there is no water shortage in the urban areas of Sandakan, unfortunately water shortage occurs almost every day. In some areas there is no water supply for a few months at a stretch and even when supply is resumed, the water contains mud and sediments and particles which are not suitable for human consumption. The areas badly affected are the Tiew Foo Hills, Sin Sims Areas and Sicily area so much so the Sandakan Town Board uses lorries to supply water to

these areas. If the water authorities in Sandakan claim that there is no water shortage, then why is it necessary for the Sandakan Town Board to use lorries to supply water to the affected areas? What is happening? Is the water shortage in Sandakan artificially created or is there actually a serious water shortage in the area? I call on the Ministry to investigate into this matter and improve the situation. If it is artificially created, then the Government should stop this practice. The rakyat should not be made victims of political machination.

The flats in Sandakan do not receive water supply most of the time, especially those from the third floor and upwards. This is caused by low water pressure and I call on the Ministry to look into this matter with a view to improve the situation.

The other common complaint is the frequency of burst pipelines. Whenever a pipeline bursts in Sandakan there will be no water supply to the affected areas for as long as one or two weeks and this causes inconvenience to the people. I am told that the water in Tawau and Lahad Datu is very salty and muddy. I hope this matter too could be looked into with a view to improve the situation.

Mr Chairman, under the Second Malaysia Plan the Government allocated \$10 million for the construction of a new airport in Sandakan. However, this has not materialised. Although we are now in the midst of the Fourth Malaysia Plan, why is the JKR delaying the construction of the new Sandakan Airport? What are the reasons for the delay in constructing the new airport? Every day of delay causes money and in fact the cost of constructing the new Sandakan Airport has escalated from \$10 million to \$88 million and I understand it has now shot up to \$120 million.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Setapak.

4.35 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan pengerusi, saya juga bangun untuk memberikan pandangan atas satu dua

perkara terutamanya sekali muka surat 599, Rancangan Membaiki Lalu Lintas Kawasan Pusat Kuala Lumpur dicantumkan dengan Skim Memperbaiki Lalu Lintas Kuala Lumpur/Petaling Jaya, Butiran 16 dan 17.

Sukacitalah saya mengingatkan kepada Kementerian ini sama ada Kementerian ini sedar atau tidak iaitu di Semenanjung Malaysia ini sahaja pada tiap-tiap tahun kereta kita yang dikeluarkan, yang dijual kepada orang ramai berjumlah 70,000 unit seluruh Semenanjung Malaysia sahaja, dan daripada ini 60%-65% iaitu lebih kurang 50,000 unit berlegar di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor iaitu Petaling Jaya. Jadi saya tengok di sini Rancangan Memperbaiki Lalu Lintas Kawasan Pusat Kuala Lumpur cuma ada peruntukan sebanyak \$10 bagi tahun 1982 dan di sini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan telah ada berhasrat untuk memperbaiki keadaan lalu lintas tetapi apa caranya tidak dapat dilihat.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, sukacitalah saya mencadangkan kepada pihak Kementerian ini hendaklah mengadakan satu skim, kalau tidak kita mengadakan secara monorail ataupun keretapi bawah tanah, sekurang-kurangnya kalau keadaan tidak mengizinkan kepada kedua-dua perkara itu; hendaklah Kerajaan bersedia untuk mengadakan jalan berlapis dan jalan lapisan atas ini berbentuk seperti yang dikatakan, dengan izin, Express Highway, yang mana mereka yang hendak terus balik dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya dan ke Kelang boleh mengurangkan kesesakan lalu lintas mereka ini di sebelah atas dan ini akan dapat mengurangkan kesesakan lalu-lintas mereka yang hendak menggunakan jalan-jalan yang ada sekarang.

Jalan ini kalau hendak dibina bolehlah dikenakan bayaran ataupun tol kepada mereka yang hendak menggunakannya. Sama ada Kerajaan sedar ataupun warganegara di Malaysia ini sedar ataupun tidak, iaitu negara kita ini ialah salah satu daripada sebuah negara dalam dunia mereka yang menggunakan jalan yang paling murah sekali, dalam bahasa Ingerisnya, one of the cheapest

road users in the world. Jadi apa salahnya untuk hendak menjaga kepentingan negara dan masyarakat pada masa hadapan dan untuk hendak mengurangkan kesesakan lalu lintas yang sedang berlaku sekarang dan demi untuk mengimbangkan kerana pengeluaran kereta yang berjumlah 70,000 tiap-tiap tahun ini boleh jadi akan bertambah pada

Tuan Peter Paul Dason (Bukit Bendera): Tuan Pengerusi, mengikut Peraturan Mesyuarat 13 (1) Cukup bilangan bagi Majlis Mesyuarat dan Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Mesyuarat hendaklah mengandungi dua puluh enam orang ahli dan dengan tidak termasuk Pengerusi. Saya percaya Dewan tidak cukup korum.

Tuan Pengerusi: Baik.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi: Telah cukup bilang. Ahli Yang Berhormat dari Setapak sila teruskan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Pengerusi, menyambung semula ucapan saya, saya telah menerangkan tadi masalah kesesakan lalu lintas kerana bertambahnya pembuatan kereta-kereta di negara kita sebanyak 70,000 pada tiap-tiap tahun, maka itu berkehendakkan pengawasan dan rancangan jangka panjang sekurang-kurangnya kita adakan jalan berlapis antara Kuala Lumpur ke Petaling Jaya.

Tuan Pengerusi, yang kedua pada muka surat yang sama iaitu Butiran 23 Lebuhraya Malaysia. Sukacita juga dalam perkara ini saya memberi ingat kerana kita telah banyak mendengar kemalangan berlaku di Lebuhraya kerana kereta-kereta berjalan laju dan juga kerana gangguan-gangguan yang berlaku. Sama ada Kementerian ini sedar atau berlaku. Sama ada Kementerian ini sedar atau tidak iaitu gangguan kerap kali berlaku pada waktu malam terutamanya sekali apabila kedai-kedai yang menjalankan perniagaan menjual makanan dan minuman di tepi-tepi lebuhraya atau berhampiran sangat dengan lebuhraya tersebut.

Perkara ini saya berharap dalam rancangan pada masa akan datang sukacita saya mencadangkan iaitu apabila pihak Lembaga

ini membina lebuhraya hendaklah juga menguntukkan kawasan yang lapang ataupun yang tertentu di mana segala lori-lori dan kereta-kereta yang hendak berhenti tidak dibenar menggunakan tepi jalan yang kosong itu, mereka hendaklah masuk dalam satu kawasan yang tertentu dan tempat ini bolehlah diadakan tempat rehat dan juga tempat mereka hendak mengisi minyak dan sebagainya dan untuk mereka hendak mengadakan makan dan minum dan di situ boleh diadakan satu kantin ataupun satu kawasan untuk kemudahan awam.

Ini telah beberapa kali saya bercakap, nampaknya tiada perubahan. Jadi, saya berharap dalam pembentukan lebuhraya pada masa akan datang ini hendaklah berhampiran dengan lebuhraya itu dibina pekan-pekan kecil yang tidak jauh dari lebuhraya, tetapi ada tempat lapang yang tertentu tidak mengganggu seperti lebuhraya yang kita lihat sekarang ini seperti di antara Seremban dengan Kuala Lumpur sangatlah merbahaya yang mana lori-lori yang besar-besar meletakkan lori-lori mereka betul-betul di tepi lebuhraya tersebut dan mereka berhenti makan dan minum di kedai-kedai yang berhampiran dengan lebuhraya tersebut.

Kedua, saya perhatikan kelemahan yang sedang berlaku sekarang masalah pemulihan yang hendak dijalankan untuk lebuhraya, saya perhatikan kurang sangat tanda-tanda amaran kepada pembawa-pembawa kereta sehingga bila hampir sangat baru kita nampak tanda-tanda amaran mengatakan "AWAS KERJA SEDANG DIJALANKAN DI HADAPAN". Lembaga Lebuhraya ini mestilah mengadakan satu undang-undang yang tertentu iaitu memberi amaran itu sekurang-kurangnya satu batu atau dua batu sebelum sampai ke tempat mereka bekerja itu hendaklah diberikan amaran, bukan tiba-tiba apabila sampai lebih kurang 500 ela atau 1,000 ela baru amaran itu diadakan. Ini sangat penting sebab kereta-kereta yang lalu atas lebuhraya ini adalah merupakan kereta yang laju sebab jalan itu lurus dan kadang-kadang mereka yang memandu ini lalai. Setakat ini sahajalah dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli dari Kota Melaka.

4.44 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian atas B. 63 muka surat 593, Butiran 1100, Program (1), (2), (3) hingga (5) untuk menjimatkan masa.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bahawa saya fikir sudah sampai masanya, baik Kerajaan Pusat atau Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji pada keseluruhannya organisasi dan sistem pengurusan dan pentadbiran yang ada dalam Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan Pengerusi, kerana saya dapati bahawa segala projek pembinaan, baik terlibat mana-mana satu projek pun atau mana-mana Kementerian pun asalkan ianya berkaitan dengan Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, umpamanya, projek-projek pembinaan, pembangunan, pembinaan infrastruktur dan lain-lain semuanya adalah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Nampaknya Kementerian ini adalah merupakan satu Kementerian yang "superman" yang seolah-olah melaksanakan semua projek-projek yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Kerja raya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Mungkin ini merupakan satu faktor utama yang mengakibatkan beberapa projek tidak dapat dilaksanakan baik di peringkat Pusat atau di peringkat Negeri atau di peringkat Daerah atau di peringkat Mukim.

Mungkin ini juga merupakan salah satu faktor yang mengakibatkan kerana kekurangan bilangan kakitangan atau pakar-pakar yang berkenaan untuk menjalankan semua projek-projek yang ada berkaitan dengan pembangunan sosio-ekonomi atau pembinaan infrastruktur, mungkin ini adalah merupakan satu faktor yang mengakibatkan kecuaihan Kementerian untuk mengadakan kajian kemungkinan (feasibility study) tentang beberapa projek yang mustahak yang menelan perbelanjaan yang berjuta-juta

ringgit, umpamanya, pelabuhan Kelang dan juga Jeti Tanjung Keling di Melaka dan lain-lainnya kerana berlakunya beberapa masalah. Kita perlu mengkaji dari aspek pembentukan dan organisasi Kementerian ini, umpamanya, tiap-tiap mesyuarat di peringkat negeri atau di peringkat daerah atau tindakan negeri, JKR akan dijadikan sebagai scapegoat atau sebagai sasaran.

Umpamanya, apa sebab projek surau, pembangunan, sekolah dan lain-lain tidak boleh dijalankan dalam masa yang dijadualkan atau kegagalan JKR untuk menyiapkan projek-projek sepertimana yang sangat diperlukan demi kepentingan kebajikan kehidupan rakyat pada kawasan-kawasan yang tertentu. Saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian untuk menimbang adakah sesuai atau tidak bahawa Kementerian ini dirombak pada keseluruhannya (reshuffle) supaya tanggungjawab yang begitu overloaded ini boleh diringkaskan dengan menyalurkan kepada lain-lain Kementerian atau kalau perlu satu Kementerian baru boleh diwujudkan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang selama ini kita hadapi. Jika tidak, bagaimanakah begitu banyaknya projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan di bawah Dasar Ekonomi Baru boleh diselesaikan dan disempurnakan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Sekarang bukanlah bagi mana-mana Kementerian atau Jabatan untuk menjadi scapegoat apa sebabnya berlakunya tragedi umpamanya di Permatang Tinggi, Kerajaan Negeri atau Kementerian Pengangkutan atau Kementerian Kerjaraya kerana dari segi kacamata saya, segala infrastruktur dan keselamatan yang ada berkaitan dengan jalan, pelabuhan dan lain-lainnya ini adalah tanggungjawab JKR.

Di sini saya tidak cuba hendak mencari scapegoat, hanya cuba hendak menarik perhatian bahawa sudah sampai masanya bagi Kementerian untuk mewujudkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji dan menyiasat semua aspek keselamatan yang ada dalam jalan raya. Umpamanya, tragedi yang berlaku di Permatang Tinggi disebabkan kerana gate

adalah juga merupakan salah satunya keselamatan jalan raya tidak diperlindungi atau diperuntukkan.

Begitu juga keselamatan di Subang Airport, terjatuhnya lampu-lampu yang sehingga mungkin mengambil nyawa manusia. Ini juga perlu dikaji, adakah disebabkan kerana kekurangan pekerja untuk maintenance atau disebabkan kerana struktur dan rekabentuk (design) dan juga beberapa accident yang berlaku yang sangat dahsyat di jalan raya adakah disebabkan kerana langkah-langkah keselamatan di jalanraya tidak diperuntukkan umpamanya lebuhraya, isyarat lampu.

Umpamanya, saya berikan satu contoh Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur berapa kali saya sudah menarik perhatian Dewan yang mulia ini sehingga hari ini Kementerian Kerjaraya masih belum mengambil tindakan untuk mengatasinya bahawa bahagian-bahagian jalan yang tenggelam bila hujan kelihatan satu kumpulan air, macam kerbau berenang.

Tuan Pengerusi, kalau kereta laju ini akan membawa kemalangan dan juga kerbau-kerbau umpamanya pada tiga hari yang lepas lebih 25 ekor boleh melalui lebuhraya. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku. Lebuhraya tidak seharusnya diizinkan mana-mana binatang atau haiwan untuk melaluinya jika sekiranya kereta dengan speed yang laju tentu akan membawa satu kemalangan yang sangat dahsyat. Dan juga saya harap papan tanda yang menunjukkan arahan atau menunjukkan ke mana haluan pun boleh didirikan di tempat yang sesuai untuk memandu pengguna-pengguna jalan pergi ke tempat-tempat yang dikehendaki.

Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya bagi Dewan yang mulia ini ataupun Kerajaan Pusat untuk mempertimbangkan adakah sesuai bagi Kementerian ini dirombak (reshuffle). Bukan kerana kelemahan Kementerian kerana terlalu berat tanggungjawab sehingga kita lihat begitu banyaknya aduan yang ditimbulkan oleh wakil-wakil rakyat di dalam mesyuarat baik Tindakan Daerah, Tindakan Negeri atau mana pun umpamanya dalam Dewan ini. Saya harap jangan kerana adanya beberapa

kelemahan dalam pembentukan Kementerian ini sehingga membawa beberapa fiasco dalam projek-projek yang memakan belanja berbillion-billion ringgit ini.

Saya harap nanti Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk mengkaji perlu atau tidak Kementerian ini di reshuffle dan disusun semula dari segi pembentukannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.52 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Kerja raya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan saya akan bercakap di muka surat 593, Program (2)—Jalan dan Jambatan.

Tuan Pengerusi, pada waktu yang akhir-akhir ini kita dapati jalan-jalan yang dibuat oleh JKR nampaknya lekas sangat pecah dan rosak. Mungkin kerosakan ini ialah disebabkan oleh keadaan tanah dan kawasan tempat jalan itu dibina. Bagaimanapun oleh kerana jalan ini memakan belanja yang besar dan mahal maka patutlah dibuat kajian atau penelitian apakah sebab-sebabnya yang jalan itu mudah sangat rosak. Boleh jadi barangkali ada kesilapan-kesilapan perlaksanaan atau boleh jadi ada kurang penyeliaan yang mungkin terjadi beberapa perkara yang tidak mengikut peraturan oleh pemborong-pemborong atau boleh jadi oleh kerana jalan itu tidak sesuai dilalui oleh kenderaan-kenderaan yang terlalu berat. Jadi, sepatutnya dan selayaknyalah pihak JKR ini membuat kajian dan seterusnya membuat kawalan supaya perkara-perkara kerosakan yang segera terjadi itu tidak boleh berlaku.

Kita dapati jalan-jalan yang mudah rosak ini iaitu jalan-jalan yang di tepi pantai barat Semenanjung kita. Kebanyakannya selain daripada kalau tidak pun pecah ialah mendap, tenggelam menjadi lekak-lekek. Oleh sebab itu saya mengharap supaya pihak JKR

akan mengambil perhatian yang berat dalam kerosakan jalan-jalan yang lekas benar rosak itu. Kalau jalan itu sudah lama dibuat, itu memang sepatutnya rosak tetapi jalan-jalan itu baru dibuat dalam masa 5-6 bulan dengan belanja yang begitu mahal telah rosak balik.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, pada pandangan saya untuk mengatasi kerosakan-kerosakan yang berlaku, menasabah kiranya diadakan satu pasukan membaiki jalan dengan segera oleh pihak JKR yang tugasnya melawat jalan-jalan, tentunya ada Merinyu Jalan dan Merinyu itu membuat laporan dan dengan serta-merta pihak JKR boleh menampal lubang-lubang atau jalan-jalan yang pecah itu dengan tidak mengambil masa yang lama dan menanti satu peruntukan khas sehingga boleh ditampal. Sepatutnya ada pasukan yang sedia untuk menampal jalan. Dan walaupun perkara ini mungkin tidak begitu penting tetapi macam yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kerosakan jalan ini mendatangkan bahaya.

Satu perkara yang patut ditimbang ialah kalau pihak lain merosakkan jalan itu atau hendak memecah jalan itu maka hendaklah pihaknya dengan serta-merta menutup pada hari itu juga. Umpamanya, kalau pihak Jabatan Air hendak membuat paip air menyeberang jalan kalau dibuat pagi, petang itu mesti ditutup; janganlah sampai dua tiga atau empat hari malah berminggu-minggu dan setengahnya berbulan-bulan. Begitu juga LLN dan juga Telekom umpamanya.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya pindah kepada Program (3) Bekalan Air. Di mana pun air ini susah, ada paip tidak ada air. Itu semua pihak sudah maklum. Tetapi apa yang saya harapkan ialah supaya air yang ada itu pun dapat dijaga dan dikawal dengan sebaik-baiknya.

Di kawasan saya, paip air ini tidak ada pengawalan. Mengikut laporan yang diterima bahawa di mana-mana ada pecah dan terbuang dan tidak diperbaiki terus menerus dan kadangkala diperbaiki pun sudah terlalu lama terbiar; jadi dengan sendirinya air sudah terbuang dan rakyat tidak dapat kecukupan air yang air itu memang kekurangan keadaannya.

4.59 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P. 63, Program (8) muka surat 598—Pemberian Bantuan Kepada Perbadanan-perbadanan untuk membuat jalan-jalan raya.

Tuan Pengerusi: Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Muka surat 598, Projek (8)—Pemberian Bantuan kepada Perbadanan-perbadanan untuk membuat Jalan Raya, satu peruntukan sebanyak \$1 juta diperuntukkan secara langsung kepada Perbandaran Ipoh.

Tuan Pengerusi, saya sungguh kesal oleh kerana pemberian bantuan yang diberi kepada perbadanan-perbadanan untuk membuat jalan-jalan raya adalah tidak sepadan dengan keadaan sekarang. Saya dapat tahu bahawa kadar yang ditetapkan untuk pihak Kementerian memutuskan beberapa banyak pemberian bantuan hendak diberi adalah satu kadar yang ditetapkan lebih kurang 20 tahun dahulu, dan kadar ini tidak berubah sehingga sekarang, apa yang saya dapat faham daripada pihak Perbandaran Ipoh. Dan sering kali pihak Perbandaran Ipoh menuntut supaya kadar ini dinaikkan lagi, pihak Kementerian dan lain-lain pihak yang berkenaan sering menjawab bahawa perkara ini dalam perhatian tetapi nampaknya anggaran yang diperuntukkan bagi tahun 1982 merupakan anggaran yang diasaskan kepada kadar yang telah ditetapkan berpuluh-puluh tahun dahulu.

Tuan Pengerusi, sekiranya Kerajaan Persekutuan mahu jalan-jalan dalam Perbandaran-perbandaran di selenggara dengan baik dan untuk memberi hasil yang lebih memuaskan daripada perbelanjaan maka anggaran ini sepatutnyalah dikaji semula iaitu saya berharap apabila Kementerian mengemukakan anggaran tambahan biasa (supplementary supply) bagi 1982 ia akan mengambil kira perkara ini dan menambahkan anggaran bagi pemberian bantuan kepada perbadanan-perbadanan. Dan oleh kerana pemberian yang begitu kecil maka terdapat perbadanan-perbadanan khususnya Perbandaran Ipoh tidak dapat menyelenggarakan jalan-jalan dalam

Perbandarannya dengan baik dan sepertimana dikehendaki. Saya menyeru supaya Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Kewangan mengkaji semula kadar pemberian ini demi kepentingan pengguna-pengguna jalan dalam kawasan-kawasan Majlis Perbandaran.

Tuan Pengerusi, juga saya ingin menyentuh muka surat 599, Projek (19)—Rancangan Pemulihan Lebuhraya. Kita terdapat sekarang Rancangan Pemulihan Lebuhraya ini dijalankan berperingkat-peringkat, namun demikian saya rasa gembira sekarang kerana JKR tidak lagi menjadi hero dalam perkara Rancangan Pemulihan Lebuhraya, ia melepaskan Rancangan Pemulihan Lebuhraya ini kepada pihak swasta supaya ia menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan kita boleh buat bandingan apabila pada masa-masa lampau di mana JKR menjalankan kerja-kerja pemuliharaan lebuhraya dan sekarang apabila pihak swasta menjalankan kerja-kerja pemuliharaan lebuhraya jauh bezanya dari segi kecekapan, dan dari segi menyiapkan kerja—tempoh masa yang diambil untuk menyiapkan kerjanya. Jadi, dari segi itu saya fikir Kementerian itu sudah pun belajar, diharaplah terus belajar daripada lain-lain projek di mana pihak swasta diberi keutamaan. Tetapi dalam pada itu haruslah pihak Kementerian mengawasi supaya standard yang tinggi dapat dikekalkan oleh pihak swasta yang terlibat dalam Rancangan Pemulihan Lebuhraya.

Tuan Pengerusi, didapati bahawa sebahagian daripada jalan-jalan yang di bawah Rancangan Pemulihan Lebuhraya yang telah dibina di beberapa tempat lebuhraya yang telah dipulihkan tidak begitu memuaskan dan sering didapati di mana lebuhraya yang telah dipulih tidak rata dan saya tidak tahu sama ada ini kerana Jurutera-jurutera daripada pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam tidak menjalankan kerja-kerjanya dengan sempurna ataupun mereka dengan sengaja tidak mahu menjalankan kerja-kerjanya dengan sempurna mungkin kerana

ada udang di sebalik batu di mana ada kemungkinan saya kata, mungkin ada pegawai-pegawai on the take. Jadi Kementerian eloklah membuat siasatan sama ada kerosakan yang sering berlaku pada lebuhraya yang sudah dipulih disebabkan oleh pihak swasta sendiri ataupun kerana negligence daripada pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, muka surat 599, Projek (21)—Memulih dan Mengganti Jambatan/Lintasan Keretapi.

Baharu semalam Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab atas lintasan keretapi diluluskan berjuta-juta ringgit hari ini kita meluluskan juga wang bagi memulih dan mengganti jambatan/lintasan keretapi tetapi wang peruntukan hanya \$500,000. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam adakah peruntukan ini hanya untuk mengganti lintasan-lintasan keretapi yang lama ataupun adakah juga Kementerian ini terlibat dalam pembinaan lintasan keretapi yang baharu dan sama ada pembinaan itu diputuskan oleh Kementerian-kementerian sendiri ataupun dengan arahan daripada Kementerian Pengangkutan oleh kerana kita tidak mahu cerita passing the buck ataupun permainan passing the buck dari Transport ke Kerjaraya, Kerjaraya mengatakan bukan kerja saya, Kerajaan Negeri dan sebaliknya. Jadi, saya harap mendapat satu jawapan tepat mengenai perkara ini. Dan di samping itu didapati beberapa jambatan dan lintasan keretapi yang sedang ada yang tidak begitu baik khususnya lintasan keretapi di Kampung Tawas di Ipoh yang saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil perhatian supaya lintasan keretapi itu digantikan. Saya ingin mendapat tahu sama ada lintasan keretapi yang dipulih dan diganti itu akan diganti dengan lintasan keretapi secara automatik yang terdapat di Jalan Kepong, kalau saya tidak silap ada satu. Sama ada pihak Kementerian sekarang bercadang untuk mengganti semua lintasan keretapi yang diselenggara secara manual kepada automatik sebab kalaulah automatik saya juga risau tentang sama ada jentera-jentera itu boleh berjalan dengan baik supaya sebarang accident tidak berlaku.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya sentuh Projek 181, muka surat 607, Rumah-rumah Pekerja.

Saya sungguh hairan peruntukan bagi tahun 1982 hanya token \$10, adakah ini bererti bahawa Kementerian sudah mengambil satu keputusan tidak mahu membina rumah-rumah bagi pekerja-pekerja Kerajaan ataupun kementerian sudah surrender bahawa ia tidak berkeupayaan untuk membina tetapi dengan token \$10 bukannya bererti bahawa kalau Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam itu surrender maka pekerja-pekerja tidak perlu dibina rumah, itu sudah sikap yang salah. Saya percaya dengan penambahan bilangan pekerja-pekerja khasnya golongan-golongan bawahan, dalam kategori-kategori bawahan dalam perkhidmatan Kerajaan, perlu diberi rumah-rumah pekerja dan pembinaan rumah-rumah pekerja harus diteruskan memandangkan penambahan bilangan pekerja dan juga memandangkan ketidak-upayaan Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membina rumah bagi mereka yang berpendapatan rendah. Maka sudahlah harus bagi Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk membina sama ada dengan sendiri atau secara kontrak, itu terpulung kepada Kementerian, tetapi daripada apa yang saya tahu dia tak pernah pun, semuanya diberi kontrak, mungkin kelemahan-kelemahan dalam Kementerian Kerjaraya dan kemudahan-kemudahan Awam menyebabkan ia meninggalkan sahaja projek pembinaan rumah-rumah pekerja dalam tahun 1982. Dengan sebab itu, saya minta supaya Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam janganlah menganaktirikan pekerja-pekerja khasnya dari peringkat bawahan dalam segi memberi rumah-rumah kediaman bagi mereka.

Saya juga minta supaya dalam penyelenggaraan rumah-rumah pekerja Kerajaan, pihak Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam haruslah menjalankan kerjanya dengan lebih cekap dan cepat dan bukan seperti sekarang di mana apabila aduan-aduan dibuat oleh penghuni-penghuni rumah-rumah pekerja tentang cat

ataupun perbaiki pintu, tingkap dan sebagainya ia mengambil masa yang begitu panjang untuk memperbaiki dan keadaan ini sangatlah dikesali walaupun Menteri demi Menteri dan Timbalan Menteri demi Timbalan Menteri dalam Dewan ini sering memberi jaminan bahawa Kementerian ini bukanlah satu Kementerian yang lemah tetapi kita sering memperbaiki keadaan, tetapi nampaknya hasil yang dapat kita lihat tidak menunjukkan bahawa sebarang perubahan dalam segi pembaikan prestasi Kementerian itu berlaku. Saya harap janganlah Menteri-menteri datang ke dalam Dewan dan berhujah-hujah tentang ada rancangan sehingga tahun 2,000 mengenai pembekalan air, itu tidak ada guna. Apa yang kita mahu ialah menyelesaikan masalah rakyat dengan tepat dan cepat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.16 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, B. 36, muka surat 597, Butiran (4) Membaiki lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan.

Saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian ini dan juga pegawai-pegawai Kerajaan di Kementerian ini yang mana sama-sama dengan pihak Kerajaan menjalankan usaha-usaha bagi rancangan yang telah disusun satu persatu sehingga kepada Rancangan Malaysia Ketiga. Sehingga setakat ini kalau beberapa tahun dahulu, contohnya saya beri perjalanan berulang alik saya ke Kuala Lumpur daripada Taiping ini yang ada pada satu masa dahulu mengambil masa yang panjang, tetapi pada masa ini kerana jalan itu telah dibaiki, sempurna dan elok, jambatan banyak telah diganti, maka perjalanan kereta saya boleh lari 4 jam sahaja boleh sampai ke Kuala Lumpur. Saya percaya begitulah juga seterusnya rakyat di negara kita ini. Selain daripada itu berbagai-bagai rancangan dan projek lagi yang telah diusahakan oleh Kementerian ini selain daripada jalan raya, baik Jalan raya Persekutuan yang disebutkan

satu persatu ataupun jalan-jalan yang lain telah dibaiki dan dibesarkan sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan di samping lebuhraya yang sedang diusahakan oleh Kerajaan bagi Utara-Selatan pula.

Apa yang menarik perhatian saya di dalam usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak JKR ini, saya dapati mereka mengalami satu kesulitan oleh pihak JKR sendiri kerana apabila jalan raya ini telah dibuat oleh pihak JKR dan projek yang lain pula dibuat di atas jalan itu sepertimana LLN, Telekom

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhormat!

Tuan P.Patto: Tuan Pengerusi, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang 26 hadir)

Tuan Pengerusi: Cuba kira balik, saya ingat koram tak cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh kerana koram tak cukup, mesyuarat ditangguhkan sampai pukul 2.30 petang esok.

[Ucapan perbahasan selanjutnya dimansuhkan (expunged) mengikut arahan Tuan Yang di-Pertua]

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.18 petang.